



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.43

SUBUH 4.53 SYURUK 6.10

DUHA 6.32

ZUHUR 12.15

ASAR 3.21

MAGHRIB 6.17

ISYAK 7.26

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 67 BILANGAN 114

21 SEPTEMBER 2022 / 1444 صفر 24

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

'Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbuna'llahu Wani'malwakeel, Walaha'ula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.'

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi di Istana Nurul Iman.

NBD, Malaysia terus jalin hubungan kukuh

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

GADONG, Selasa, 20 September. - Jalinan istimewa dua hala Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Malaysia yang terjalin begitu lama dan akan terus semakin kukuh di mana hubungan peribadi pemimpin kedua pihak begitu rapat dan sering membuat pertukaran lawatan di semua peringkat.

NBD dan juga Malaysia terus menikmati kerjasama dalam pelbagai sektor antaranya perdagangan, pertahanan, pendidikan, kebudayaan dan kesihatan. Hubungan murni yang dikongsi kedua-dua negara akan diperkuuh lagi melalui persaudaraan kerabat diraja dan persahabatan antara kedua-dua kerajaan dan rakyat.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza bin Raja Zaib Shah dalam ucapannya juga menyentuh mengenai Konsep Keluarga Malaysia iaitu sebagai sebuah negara yang mesra dan cintakan keamanan yang harmoni, berbilang kaum, berbilang agama dan budaya. Malaysia berhasrat untuk memainkan peranan proaktif di peringkat antarabangsa untuk menyumbang dalam menjadikan dunia lebih aman, adil dan makmur.

"Hari Kebangsaan Malaysia bertemakan 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama' menyeru semua rakyat mengenepikan perbezaan dan bersama-sama menyatukan tenaga dalam menghadapi cabaran sebagai sebuah keluarga," jelasnya pada Majlis Resepsi Hari Kemerdekaan Ke-65 dan Hari Malaysia 2022 yang berlangsung di The Rizqun International Hotel, Gadong, hari ini.

>> Muka 6

BERKENAN MENERIMA KUNJUNGAN MUHIBAH EMPAT MATA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada perjumpaan tersebut.

- Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi (Lihat muka 2).

Kebawah DYMM akan berangkat ke Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Terjun Payung 1317, Penyampaian Lencana 'RAF Wings'

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

LONDON, UNITED KINGDOM, Selasa, 20 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan berangkat menghadiri Majlis Penutup Kursus Asas Terjun

Payung 1317 dan Pengurniaan Lencana Terjun Payung 'RAF Wings' bagi Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen, yang akan berlangsung pada 23 September 2022, di Royal Air Force (RAF) Brize Norton, Carteton, Oxfordshire, United Kingdom.

>> Muka 4

COVID-19 : 229 kes disahkan sembahu

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 September. - Sebanyak 229 kes disahkan sembahu, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembahu meningkat kepada 223,572.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak

empat kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi dan tidak ada kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

>> Muka 5

MANISNYA IMAN

"DARIPADA Abu Umamah Al-Bahili, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'alai, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi sehingga semut di sarangnya dan ikan di lautan pasti berselawat mendoakan kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia".

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
f Pelita Brunei @pelitabrunei t pelitabrunei

Berita Utama


PENGIBARAN bendera kebangsaan setengah tiang
Muka 5


KEMBANGKAN keberhasilan pencapaian pendidikan ugama, Arab
Muka 7


Warisan
'ANGAI' burung tentukan pembuatan Rumah Puak Murut
Muka 20

STATUS COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 20 SEPTEMBER 2022

78.3%

3 dos vaksin COVID-19 penduduk umum

61.3%

3 dos vaksin COVID-19 remaja berumur 12-17 tahun

84.8%

2 dos vaksin COVID-19 kanak-kanak berumur 5-11 tahun

229

Jumlah kes sembahu 24 jam lalu

223,572

Jumlah kes yang sembahu

f Ministry of Health, Brunei Darussalam @mohbrunei www.moh.gov.bn

Berkenan menerima Kunjungan Muhibah Empat Mata



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Kunjungan Muhibah Empat Mata daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah (atas dan kanan).

LONDON, UNITED KINGDOM, Selasa, 20 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah (atas dan kanan).

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima Kunjungan Muhibah Empat Mata daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong Malaysia XVI (Ke-16), Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, hari ini di London, United Kingdom.

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi,
Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



WAKTU SEMBAHYANG											
SEPTEMBER	MASIH	HARI	SAFAR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	AŞAR	MAGHRIB	İSYAK
21	RABU	24	4.43	4.53	6.10	6.32	12.15	3.21	6.17	7.26	
22	KHAMIS	25	4.43	4.53	6.10	6.32	12.14	3.21	6.17	7.26	
23	JUMAAT	26	4.42	4.52	6.09	6.32	12.14	3.21	6.16	7.25	
24	SABTU	27	4.42	4.52	6.09	6.31	12.14	3.22	6.16	7.25	
25	AHAD	28	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24	
26	ISNIN	29	4.42	4.52	6.09	6.31	12.13	3.22	6.15	7.24	
27	SELASA	1	4.42	4.52	6.09	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23	
RABULAWAL											

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



RABU		KHAMIS		JUMAAT	
Bandar Seri Begawan					
32 °C		32 °C		31 °C	
24 °C		24 °C		24 °C	
Pekan Bangar					
32 °C		32 °C		32 °C	
23 °C		24 °C		23 °C	
Pekan Tutong					
31 °C		32 °C		32 °C	
24 °C		24 °C		24 °C	
Kuala Belait					
31 °C		31 °C		31 °C	
24 °C		24 °C		24 °C	

Wallahu alam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG 21 SEPTEMBER 2022

Hargai kesihatan awda

A PABILA berasa tidak sihat, pelbagai aktiviti yang biasa kita lakukan akan terhenti dan tertangguh. Ini serba sedikit boleh menjelaskan kerja harian kita, namun memulihkan tenaga selepas sakit memerlukan masa, usaha juga tenaga.

Dalam pada itu, jika kita berasa tidak sihat dan memerlukan perjumpaan doktor, sebaiknya lakukanlah secepatnya. Jangan menunggu hingga sakit sudah menjadi semakin teruk. Sebaiknya berjumpa doktor sebaik sahaja awda berasa sakit bagi membolehkan doktor memberikan ubat yang bersesuaian bagi penyakit awda.

Apabila sakit sudah menjadi semakin teruk, ia pasti akan mengambil masa untuk proses penyembuhan. Maka dalam memastikan sakit awda tidak semakin teruk, juma doktor secepatnya. Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu kini, pasti juga sedikit sebanyak menyumbang pada isu kesihatan kita.

Dalam pada itu, minumlah air dalam kuantiti yang sepatutnya bagi memastikan badan kita tidak mengalami kekurangan air. Makan dahulu makanan sebelum mengambil ubat-ubatan kita atau ikutlah peraturan yang ditetapkan oleh doktor awda. Pastikan awda memakan ubat seperti yang disarankan doktor dan jangan berlebihan daripada dos yang ditetapkan.

Kesembuhan awda tertakluk pada disiplin awda menjaga pemakanan awda dan pengambilan ubat awda di sepanjang proses penyembuhan. Patuh segala nasihat doktor awda dan jika ragu-ragu tanyalah kembali kepada doktor awda.

Jangan awda berdiam diri jika sekiranya ubat yang awda makan memberi kesan yang tidak baik kepada awda. Jumpalah kembali doktor awda secepatnya dan maklumkan kepada mereka akan masalah awda. Jangan ambil mudah akan hal ini kerana ia boleh sahaja memberikan impak yang buruk kepada awda.

Pastikan segala aturan dan arahan doktor awda patuh, jangan mengambil ubat yang berlebihan dan jangan melanggar apa-apa arahan tanpa kebenaran doktor awda. Kesihatan awda adalah sangat berharga, jangan abaikan dan ambil ringan akan hal ini. Nikmat kesihatan tidak ternilai dengan harganya.

Apabila badan kita sihat pastinya kerja kita laksanakan pun pastinya berjalan lancar dan tidak ada halangan. Segala perancangan tidak akan terhalang atau terbantut. Oleh itu, nikmat kesihatan amatlah berharga dan jangan pernah kita sia-siakkannya.

Pelbagai kerja, tugas dan aktiviti dapat kita laksana jika badan kita dalam keadaan sihat juga cergas. Namun apabila kita berasa kurang sihat, ambillah langkah yang sebaiknya dan dapatkan rehat yang cukup jika badan awda mula berasa keletihan.

Kesihatan perlu juga dititikberatkan. Jangan hanya bekerja dan tidak mendapatkan rehat yang secukupnya. Lama-kelamaan tidak cukup rehat akan memberikan impak pada kesihatan dan tubuh badan kita. Sama seperti mesin akadalan akan rosak atau error. Apabila sudah keadaan begitu, tiba masanya mesin berkenaan dibalik, diservice atau diganti baharu.

Jagalah kesihatan awda dengan mengambil pemakanan yang sihat, seimbang dan pastikan meminum air putih seperti yang disarankan agar badan awda kekal sihat dan segar. Dapatkan rehat yang mencukupi dan berjumpalah doktor jika awda memerlukannya dan jangan biarkan hingga sakit awda semakin teruk.

Kesihatan amat berharga, jangan kita tidak peduli akannya. Apabila kesihatan kita di tahap maksima, pelbagai kerja, tugas dan aktiviti dapat dilaksana, apabila kesihatan kita di tahap minima, pelbagai kerja, tugas dan aktiviti mungkin akan terhenti sementara.

- Ketua Penyuntingan (Nb).

BERANGKAT MENGHADIRI ISTIADAT PERMAKAMAN NEGARA HER MAJESTY QUEEN ELIZABETH II



Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Istiadat Permakaman Negara Her Majesty Queen Elizabeth II yang berlangsung di Westminster Abbey, London. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan atas). - Foto : Reuters dan Shutter Stock.

LONDON, UNITED KINGDOM, Isnin, 19 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi tadi berkenan berangkat menghadiri Istiadat Permakaman Negara Her Majesty Queen Elizabeth II yang berlangsung di Westminster Abbey, London.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Istiadat Permakaman Negara berkenaan juga turut dihadiri oleh ahli-ahli Kerabat-kerabat Diraja; Ketua-ketua Negara dan tetamu dari seluruh dunia.

Sebelum Istiadat Permakaman Negara berlangsung, keranda Her Majesty Queen Elizabeth II

diangkat ke usungan khas bagi satu perarakan yang dibawakan oleh the State Gun Carriage of the Royal Navy dari Palace of Westminster menuju ke Westminster Abbey, sambil diiringi oleh His Majesty King Charles III serta ahli-ahli Kerabat Diraja British dan the King's Household. Ini diikuti dengan upacara State Funeral Service.

Pada penghujung Istiadat Permakaman Negara, 'The Last Post' kemudian dimainkan, diikuti dengan bertafakur selama

dua minit di Westminster Abbey serta seluruh jajahan United Kingdom.

Istiadat berkenaan diakhiri dengan Lagu Kebangsaan negara berkenaan. Her Majesty Queen Elizabeth II seterusnya disemadikan di St. George's Chapel, Windsor.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebelum ini telah mengurniakan titah perkenan bagi bendera kebangsaan untuk dikibarkan separuh tiang di bangunan-bangunan kerajaan dan pejabat-pejabat perwakilan

Negara Brunei Darussalam di luar negara sebagai tanda penghormatan dan menzhirkan rasa belasungkawa atas kemangkatan Her Majesty Queen Elizabeth II.

Her Majesty Queen Elizabeth II mangkat pada usia 96 tahun dan baginda telah memerintah sebagai Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland bermula pada 6 Februari 1952 hingga 8 September 2022, iaitu melebihi 70 tahun pemerintahan.



Berkenan berangkat ke Majlis Resepsi



Her Majesty Queen Elizabeth II. Seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam juga turut berdukacita atas kemangkatan seorang Ratu yang berwibawa dan unggul dari segi budi pekerti.

Hubungan akrab Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Her Majesty the Queen sudah sekian lama terjalin sejak berdekad lamanya, di mana baginda berdua sering berangkat mengadakan pertemuan bersama sebelum ini bagi sama-sama membincangkan dan berkongsi perkara-perkara yang menjadi kepentingan bersama.

Semasai majlis ini juga, Kebawah DYMM berkesempatan menghadiri satu sesi bersama His Majesty King Charles III dan Her Majesty Queen Consort Camilla.

Sesi tersebut turut disertai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II ibn Al Hussein, Raja Jordan dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun serta Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Joseph R. Biden Jr.

Selepas kemangkatan Her Majesty Queen Elizabeth II, His Majesty King Charles III dimasyurkan menjadi King of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland yang baru.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (kiri dan kanan). - Foto : Buckingham Palace, London, United Kingdom.

LONDON, UNITED KINGDOM, Ahad, 18 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan

berangkat menghadiri Majlis Resepsi yang dihoskan oleh His Majesty King Charles III dan Her Majesty Queen Consort Camilla, hari ini, di Buckingham Palace, London, United Kingdom.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Semasai Majlis Resepsi yang juga dihadiri oleh ahli-ahli Kerabat-kerabat Diraja, Ketua-ketua Negara serta

tetamu-tetamu daripada seluruh dunia itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam secara peribadinya menzhirkan rasa dukacita yang amat mendalam ke hadapan majlis His Majesty King Charles III atas kemangkatan bonda baginda,

BERANGKAT TIBA DI LONDON, UNITED KINGDOM



LONDON, UNITED KINGDOM, Ahad, 18 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berangkat tiba di London, United Kingdom bagi menghadiri Istiadat

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini, berangkat tiba di London, United Kingdom bagi menghadiri Istiadat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat tiba di London, United Kingdom bagi menghadiri Istiadat Permakaman Negara bagi Her Majesty Queen Elizabeth II (kiri dan atas).

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Permakaman Negara bagi Her Majesty Queen Elizabeth II yang berlangsung pada Isnin, 19 September 2022 di Westminster Abbey.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Lapangan Terbang Antarabangsa Stansted dijunjung oleh Deputy Lieutenant, Simon Brice selaku Wakil Peribadi His Majesty King Charles III. Juga hadir bagi menjunjung

keberangkatan tiba baginda ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom dan Eire, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad.

Kebawah DYMM akan berangkat ke Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Terjun Payung 1317, Penyampaian Lencana 'RAF Wings'



>> Muka 1

Kursus Basic Parachute Course 1317 adalah bagi anggota Angkatan Tentera British dikendalikan oleh Parachute Training Squadron of the

Airborne Delivery Wing, yang berpangkalan di RAF Brize Norton.

Kursus ini berasaskan dengan penilaian bertulis dan praktikal sebelum sebarang lompatan penerjunan payung dilaksanakan.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri 920 Mejar (U) Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah semasa berkenan menyertai Kursus Basic Parachute Course 1317 dikendalikan oleh Parachute Training Squadron of the Airborne Delivery Wing, yang berpangkalan di RAF Brize Norton (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Perdana Menteri



Apabila berjaya menamatkan kursus tersebut, para peserta akan dianugerahkan lencana payung terjun dengan lambang sayap atau wing oleh Sekolah Latihan Payung Terjun, dan seterusnya kembali ke unit masing-masing sebagai penerjun payung yang berkelayakan dengan mengenakan emblem 'Parachute Badge with Wings' di pakaian masing-masing.

COVID-19 : 229 kes disahkan sembuh

Oleh : Muhammad Zulkamal
Awang Haji Kamis
Infografik : Kementerian
Kesihatan

>> Muka 1

Bagi Program Vaksinasi setakat 20 September 2022, sebanyak 84.8 peratus kanak-kanak yang berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 61.3 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 78.3 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 10.3 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.



Perubahan pelaksanaan fasiliti kesihatan bermula 20 September



YANG Berhormat Menteri Kesihatan pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam, yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Beberapa perubahan akan mula dilaksanakan di fasiliti-fasiliti kesihatan kerajaan bermula esok, 20 September 2022.

Kementerian Kesihatan telah meneliti pelbagai langkah pengawalan yang dilaksanakan di fasiliti-fasiliti kesihatan kerajaan sejak pengemaskinian sukat-sukat pelbagai langkah pengawalan dalam negara dan syarat-syarat perjalanan keluar dan masuk negara yang telah diumumkan oleh Jawatankuasa Pandu COVID-19 pada 12 September lalu.

Perkara tersebut diumumkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Menurut Yang Berhormat, perubahan-perubahan yang akan mula dilaksanakan iaitu bagi para pesakit yang datang berjumput doktor dan tidak mempunyai pelbagai tanda jangkitan, mereka tidak diperlukan membuat Ujian Pantas Antigen (ART) terlebih dahulu.

Walau bagaimanapun jelasnya, ART adalah dikehendaki bagi para pesakit yang hendak mendapatkan rawatan dental; para pesakit yang akan menjalani pelbagai

prosedur perubatan tertentu seperti bronchoscopy dan gastroscopy; para pesakit yang datang mendapatkan rawatan di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan di hospital-hospital atau para pesakit yang akan dimasukkan ke hospital.

ART tegasnya, adalah juga digalakkan bagi para pesakit di Pusat-pusat Kesihatan yang mempunyai pelbagai tanda jangkitan untuk melancarkan urusan rawatan.

Sementara itu, ujian PCR tambah Yang Berhormat, hanya akan dilakukan bagi para pesakit tertentu sahaja.

Malahan, Pengeluaran Notis Pengasingan Diri (Self Isolation Notice) juga jelas Yang Berhormat akan dihentikan. Sesiapa yang mempunyai pelbagai tanda jangkitan tetapi keputusan ART negatif adalah dinasihatkan untuk menggunakan Dasar 4, iaitu Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) atau surat pengesahan sakit daripada ibu bapa atau penjaga bagi para pelajar.

"Sebagai peringatan bersama juga, kes-kes positif ART akan menjalani pengasingan diri sebagaimana Perintah Kuarantin di bawah Akta Penyakit Berjangkit selama tempoh yang ditetapkan mengikut SOP yang sedia ada pada masa ini," ujar Yang Berhormat.

Begitu juga dengan Dasar

Melawat (Visiting Policy) di hospital-hospital telah dikemas kini dan Yang Berhormat menerangkan melawat hanya dibenarkan pada waktu melawat yang ditetapkan sahaja serta jumlah pelawat bagi setiap pesakit yang berada di hospital tidak lagi dihadkan.

Walau bagaimanapun, hanya dua orang pelawat sahaja terangnya, dibenarkan masuk pada satu-satu masa bagi setiap pesakit. Setiap pelawat dikehendaki menunjukkan keputusan ART negatif yang dibuat pada hari yang sama. Malah, pelawat tidak dibenarkan melawat pesakit yang berada di holding ward atau isolation ward.

Akan tetapi seorang penjaga menurut Yang Berhormat, berkemungkinan dibenarkan untuk bersama pesakit, mengikut penilaian dan kesesuaian keadaan pesakit. Namun, kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan melawat.

Seterusnya, bagi tatacara pengurusan jenazah yang meninggal dunia disebabkan oleh COVID-19 secara langsung atau tidak langsung, Yang Berhormat juga turut menyatakan ia telah dikemas kini kepada tatacara pengurusan sebelum pandemik, iaitu pengurusan jenazah tidak lagi perlu dilakukan di Pusat Pengasingan Kebangsaan; jenazah boleh disempurnakan di masjid atau di rumah mengikut kehendak keluarga dengan garis panduan yang telah disediakan seperti memakai sungup muka, sarung tangan, apron dan pelindung mata (eye protection) semasa menguruskan jenazah.

Walaupun demikian, jenazah tegas Yang Berhormat, tidak boleh disempurnakan di rumah yang ada kes positif kerana kes positif tersebut perlu menjalani kuarantin. Jenazah boleh dikebumikan di mana-mana tanah perkuburan yang bersesuaian atau mengikut kehendak keluarga.

"ART tidak diperlukan bagi sebarang kematian yang berlaku di rumah dan jenazah boleh disempurnakan seperti biasa," kongsi Yang Berhormat.

Manakala, waktu beroperasi bagi Pusat Swab, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Pusat SARI, Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait jelasnya, diubah kepada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari-hari bekerja dan ditutup pada setiap Jumaat, Ahad

PENGIBARAN BENDERA KEBANGSAAN SETENGAH TIANG



BENDERA kebangsaan dikibarkan setengah tiang di bangunan-bangunan kerajaan.

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebelum ini telah mengurniakan titah perkenan bagi bendera kebangsaan untuk dikibarkan setengah tiang di bangunan-bangunan kerajaan.

Ini termasuklah pejabat-pejabat perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara pada Isnin, 19 September 2022 mulai jam 8.00 pagi (waktu tempatan) sehingga jam 8.00 pagi pada keesokan harinya (Selasa, 20 September 2022), bagi menghormati kemangkatan Her Majesty Queen Elizabeth II.

Pengibaran bendera kebangsaan setengah tiang ini juga dilaksanakan di negara-negara lain termasuk beberapa buah negara Commonwealth seperti Australia, Malaysia dan Republik Singapura bagi sama-sama menzahirkan rasa belangsungkawa (dukacita) atas kemangkatan Her Majesty Queen Elizabeth II pada Khamis, 8 September 2022 ketika berusia 96 tahun.

Kes COVID-19 tunjuk peningkatan 1 minggu kebelakangan

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menunjukkan sedikit peningkatan dalam masa satu minggu kebelakangan ini, dengan kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah sebanyak 215 kes sehari, berbanding dengan 179 kes sehari pada minggu sebelumnya.

Walau bagaimanapun, trend jangkitan masih menunjukkan penularan kekal rendah.

Sebanyak 46,728 keputusan Ujian Pantas Antigen (ART) telah dimuat naik ke aplikasi BruHealth dalam masa satu minggu dengan 3.2 peratus daripadanya adalah keputusan ART yang positif.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar mengongsikan kenyataan tersebut pada Sidang Media Normal Baharu COVID-19 di NBD, yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, petang tadi.

Pada hari ini, tidak ada kes katanya, di dalam Kategori 5, iaitu memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala tiga kes berada dalam Kategori 4, iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Bahkan, sehingga kelmarin, 18 September 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di NBD tambahnya, kekal berada di tahap yang tinggi dengan 78.3 peratus daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan 10.3 peratus juga telah mendapatkan dos keempat.

"Pada hari ini, sebanyak 215 kes baharu telah dilaporkan, iaitu 209 kes hasil daripada ART dan enam kes adalah hasil daripada 480 Ujian Makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam tempoh masa 24 jam yang lalu," menurut Yang Berhormat lagi.

dan hari-hari kelepasan awam.

"Teruskan kerjasama abiskita semua dalam membantu pihak kerajaan memantau penularan wabak COVID-19 di negara ini dengan memuat naikkan keputusan ART masing-masing, sama ada positif atau negatif ke aplikasi BruHealth.

"Semoga NBD berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara daripada segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Amin Ya Rabbal Alamin," ucap Yang Berhormat pada sidang tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto :
Takmir Masjid Rashidah
Sa'adatul Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 20 September. - Seramai 40 peserta, terdiri daripada jemaah Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) dan Penduduk Kampung Sungai Akar yang sudah bermastautin di luar daerah ini tidak melepaskan peluang menyertai Majlis Khatam Al-Quran, yang diadakan secara bersemuka dan melalui aplikasi Zoom, baru-baru ini, di masjid berkennaan.

Antara lain objektif majlis adalah sebagai memberi galakan kepada peserta untuk menghormati bacaan Al-Quran dengan penuh istiqamah, selain mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan jemaah dan orang ramai.

Hadir di majlis tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; dan Penaung Bersama MRSB, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Turut hadir pada majlis itu,

IMARAHKAN MASJID DENGAN MEMBACA AL-QURAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dan Penaung Bersama Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran.

Penasihat Takmir Masjid, Pegawai Masjid dan Jemaah MRSB juga tidak melepaskan peluang

mengimarahkan masjid dengan membaca Al-Quran.

Sebagai usaha berterusan,

MRSB turut bergiat aktif, dalam aktiviti keagamaan, di mana salah satunya dengan mengadakan

Murattal Subuh Siri Ke-18, yang akan bermula hari ini selepas Solat Subuh.

NBD, Malaysia terus jalin hubungan kukuh



YANG Berhormat Menteri Kesihatan dan isteri selaku wakil kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) bergambar ramai bersama Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD pada Majlis Resepsi Hari Kemerdekaan Ke-65 dan Hari Malaysia 2022, yang berlangsung di The Rizqun International Hotel,

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

>> Muka 1

Tuan Yang Terutama Raja Dato' Reza juga menyatakan bahawa ekonomi Malaysia berdaya tahan dengan sistem perbankan yang kukuh, kerajaan yang menyokong dan warga korporat yang berhemat.

"Kami juga yakin dan optimistik terhadap industri elektrik dan elektronik kerana Malaysia kini membelakangkan 10 peratus komponen semikonduktor di seluruh dunia. Sebagai sebuah ekonomi kecil dan terbuka, Malaysia telah berjaya menarik pelaburan langsung asing tertinggi dalam tempoh enam tahun lepas, berjumlah USD1.9 bilion ke dalam negara setakat Ogos 2022," tambahnya.

Menurutnya, inflasi di Malaysia kini sekitar 2.8 peratus dalam tempoh tujuh bulan pertama. Dasar monetari Malaysia kekal akomodatif walaupun Bank Negara Malaysia telah menaikkan kadar

Dasar Semalam (OPR) sebanyak 25 mata asas lagi kepada 2.50 peratus yang masih lebih rendah berbanding sebelum ini, iaitu semasa wabak COVID-19 pada 3.0 hingga 3.25 peratus.

Tuan Yang Terutama juga menggariskan beberapa pertukaran lawatan di antara kedua-dua buah negara dan berharap dapat melihat lebih banyak pertukaran lawatan terutamanya dalam kalangan pegawai tinggi kedua-dua pihak dalam masa terdekat, untuk meningkatkan lagi kerjasama dalam bidang kepentingan bersama.

Pada 2021, TYT menyatakan, jumlah dagangan Malaysia-NBD berjumlah RM8.03 bilion, meningkat 70.4 peratus daripada tahun sebelumnya. Bagi enam bulan pertama tahun ini, jumlah dagangan dicatatkan sebanyak RM5 bilion.

Seterusnya TYT juga berkata

bahawa dengan momentum positif dan prestasi dagangan yang sangat mengagumkan itu, tidak mustahil volum dagangan (*trade volume*) melepassi paras RM10 bilion menjelang akhir tahun ini.

Jika ini berlaku, maka buat pertama kali dalam sejarah hubungan dua hala kita, jumlah volum perdagangan (*trade volume*) boleh mencapai ke angka dua digit.

Dengan peningkatan berterusan ASEAN dan kesan yang semakin meningkat ke atas ekonomi global, TYT menambah, kedua-dua buah negara meneruskan perbincangan dengan pandangan untuk meneroka bidang baharu yang mempunyai kepentingan strategik bersama termasuk dalam pertanian dan industri agromakanan.

"Kami juga berbangga dengan perjalanan PETRONAS di NBD yang telah beroperasi sejak 2011. Di Blok CA2 di mana PETRONAS adalah Pengendali, sebanyak tujuh telaga penerokaan telah digerudi di mana gas telah ditemui.

"Pada masa ini, PETRONAS sedang menghadapi persimpangan yang menarik, kerana ia memulakan aktiviti pra-pembangunan dengan hasrat untuk membangunkan projek air ultra dalam yang pertama di NBD," katanya.

Selain kerjasama pertahanan berterusan yang telah diperkuatkan melalui pelbagai bentuk, TYT juga menyatakan, kerjasama dalam bidang pendidikan terus dipertingkatkan melalui pemeteraan Memorandum Persefahaman (MoU) antara universiti Malaysia dan NBD sepanjang tahun ini termasuk MoU yang dimeterai antara Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Teknologi MARA bulan lalu.

Perkongsian budaya dan bahasa yang sama telah membolehkan kedua-dua negara menjalankan aktiviti kebudayaan bersama.

Dalam usaha bersama mempromosikan tradisi Pantun dalam kalangan belia, Suruhanjaya Tinggi Malaysia dengan kerjasama

Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan menganjurkan Pertandingan Pantun antara universiti bulan depan.

Dalam bidang sukan, TYT menjelaskan, kedua-dua pihak sedang memuktamadkan draf MoU kerjasama dalam bidang belia dan sukan. TYT berbesar hati menyaksikan NBD menghantar kontingen untuk menyertai Sukan Malaysia atau SUKMA XX yang sedang berlangsung di Malaysia dari 16 hingga 24 September ini yang akan membantu NBD mencungkil bakat-bakat baharu dan memberi pendedahan yang diperlukan kepada atlet baharu.

Sebelum mengakhiri ucapan, TYT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana membenarkan rakyat Malaysia, terutamanya golongan profesional dan ahli perniagaan yang bermastautin di negara ini dengan peranan mereka dalam memacu ekonomi NBD dan menyumbang ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Kami berbangga dengan GLC dan syarikat kami yang bukan sahaja telah menjalin hubungan kukuh antara kedua-dua negara tetapi juga menunjukkan komitmen mereka untuk menyediakan peluang ekonomi dan kemakmuran untuk semua rakyat Brunei," ujar TYT lagi.

Terdahulu, TYT juga menzahirkan penghargaan terima kasih atas pembukaan semula sempadan darat dan maritim pada 1 Ogos 2022. Dan ia sudah pasti akan memulihkan aktiviti ekonomi dan pelancongan serta membawa hubungan rakyat kepada normal.

Hadir mewakili pihak kerajaan NBD pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dan isteri.

Majlis juga diserikan dengan pemotongan kek daripada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan TYT berserta isteri masing-masing selain beberapa persembahan kebudayaan.

TIMBA ILMU CARA PENGURUSAN JENAZAH



ISTERI Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi semasa hadir pada Bengkel Penyempurnaan Jenazah bagi Kelas Bimbingan Muslimah seluruh negara.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafileh Pg. Osman

TUTONG, Selasa, 20 September. - Dalam usaha memberikan ilmu pengetahuan dan tatacara lebih mendalam secara teori dan praktikal mengenai pengurusan dan penyempurnaan jenazah kepada para Muslimah Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Tutong mengadakan Bengkel Penyempurnaan Jenazah bagi Kelas Bimbingan Muslimah seluruh negara.

Sehubungan itu, lebih daripada 100 Muslimah daripada 20 buah masjid seluruh negara yang mengikuti bengkel berkenaan menerima sijil masing-masing, pada Majlis Penyampaian Sijil, yang berlangsung di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Tutong, di sini.

Hadir, seterusnya menyempurnakan Penyampaian Sijil kepada para peserta, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah

Nahriah binti Haji Asbi.

Semoga dengan adanya majlis tersebut, akan dapat meningkatkan lagi kefahaman dan keyakinan serta keberanian diri para Muslimah Masjid, dalam menguruskan jenazah.

Bengkel juga adalah untuk menggalakkan penglibatan aktif dan sukarela para Muslimah Masjid dalam hal ehwal kemasyarakatan, selain untuk menarik minat para Muslimah Masjid agar menubuhkan kumpulan penggapai di masjid masing-masing bertujuan memudahkan orang ramai dan para penduduk kampung, terutama yang tinggal di kawasan luar bandar serta pedalaman, mendapatkan khidmat Penggapai untuk mengurus dan menyempurnakan jenazah.

SEKITAR Bengkel Penyempurnaan Jenazah bagi Kelas Bimbingan Muslimah seluruh negara (atas kanan dan kanan).



Kembangkan keberhasilan pencapaian pendidikan ugama, Arab



PEMANGKU Pengarah Pengurusan Pendidik, Jabatan Pengurusan Pendidik menyampaikan Buku Garis Panduan Piawaian Kebangsaan Kepimpinan Sekolah Brunei Darussalam (Brunei Darussalam School Leadership Standards) (kanan).

Sesi kongsi sama berkenaan bertujuan untuk membantu serta mendokong pelaksanaan pelbagai inisiatif Rancangan Strategik KHEU yang salah satunya memfokuskan kepada tadbir urus pendidikan ugama.

Perkongsian berkenaan diharapkan akan dapat memberikan sokongan serta memperkembangkan keberhasilan pencapaian para pelajar dalam Pendidikan Ugama / Arab.

Sesi kongsi sama dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pengurusan Pendidik, Jabatan Pengurusan Pendidik, Dayang Masdiah binti Haji Tuah dan seterusnya penyampaian Buku Garis Panduan Piawaian Kebangsaan Kepimpinan Sekolah Brunei Darussalam (Brunei Darussalam School



Leadership Standards) kepada Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Sesi kongsi sama berkenaan diteruskan lagi dengan taklimat Piawaian Kebangsaan Kepimpinan Sekolah Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Ketua Unit Kepimpinan Sekolah, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan, dan KHEU.

Pengiran Hajah Mashayu binti Pengiran Haji Yusof.

Inti pati taklimat berkenaan menyentuh mengenai perubahan, pelaksanaan serta impak kepada pembangunan kompetensi para pemimpin sekolah di seluruh negara secara khusus dan pencapaian pelajar secara amnya.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan di Kementerian Pendidikan dan KHEU.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik mengadakan sesi kongsi sama maklumat mengenai Piawaian Kebangsaan

Kepimpinan Sekolah Brunei Darussalam bagi para pegawai dari Jabatan Pengajaran Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Sesi berkenaan telah diadakan di Dewan Utama, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan.

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik mengadakan sesi kongsi sama maklumat mengenai Piawaian Kebangsaan

PROGRAM SUA MUKA DEKATI HUBUNGAN MASYARAKAT



JABATAN Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong semasa mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Batang Tuau, Puni dan Ujung Jalan, Mukim Bangar bertempat di Balai Raya Kampung Puni, Temburong (atas, bawah dan bawah sekali).



TEMBURONG, Selasa, 20 September. - Dalam usahanya mengenai isu-isu semasa dan dasar kerajaan, dalam masa yang sama untuk menyampaikan maklumat

balas yang perlu diambil perhatian oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Cawangan Penerangan Daerah Temburong mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Batang Tuau, Puni dan Ujung Jalan, Mukim Bangar, hari ini, bertempat di Balai Raya Kampung Puni, Temburong.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Siti Bismi Nuruliman binti Haji Awang Emzah.

Semasa program tersebut Pemangku Pengarah Penerangan mengongsikan mengenai penyebaran maklumat palsu di era digital yang tular dengan begitu cepat melalui pelbagai aplikasi seperti WhatsApp, WeChat,

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Adzraie Pg. Haji Nikman

Facebook, Twitter dan Instagram yang menyebabkan orang ramai merasa takut dan cemas.

Dalam ucapan Pemangku Pengarah Penerangan berkata apa yang lebih membimbangkan maklumat palsu dan berunsur fitnah itu diterima bulat-bulat tanpa merujuk kepada sumber yang sah dan kemudiannya menjadi tular sehingga boleh menjelaskan keharmonian masyarakat dan juga keselamatan negara.

Tindakan yang tidak bertanggungjawab tersebut boleh dikenakan tindakan di bawah perundungan : Penggal 148 Akta Ketenteraman Awam Seksyen 34 iaitu barang siapa sama ada melalui lisan atau tulisan atau apa cara sekalipun telah menyebarkan maklumat palsu atau membuat kenyataan palsu yang boleh menggemparkan atau menimbulkan keadaan cemas kepada pihak awam boleh didakwa dan dihukum penjara sehingga tiga tahun atau denda BND3,000.

Sesiapa sahaja melakukan atau mencuba untuk melakukan atau menyediakan atau bersubahat untuk menjalankan hasutan, menggunakan perkataan yang merupakan hasutan, mencetak, menyiaran, menjual, menawarkan untuk menjual, mengedarkan atau mencetak semula sebarang hasutan serta membawa masuk sebarang warta yang berbentuk hasutan, kecuali dia tidak mempunyai sangkaan bahawa

ia berbentuk hasutan, maka mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan ini boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua tahun dan denda BND5,000 seperti yang dinyatakan pada Akta serta Penggal 24 Akta Hasutan Seksyen 4 (1).

Program turut diisikan dengan sesi dialog mengenai isu-isu yang dibangkitkan oleh penduduk kampung berkaitan dengan jalan raya, pemasalahan yang berkaitan dengan bekalan air, masalah bekalan elektrik yang selalu terputus, tanah kelompok dan bantuan bulanan bersama para pegawai dari Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pertanian dan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Program Sua Muka atau Personal Contact yang juga dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan serta membarigakan maklumat dan program serta perkembangan dan kemajuan mukim turut dihadiri oleh Pemangku Ketua Kampung Batang Tuau dan Puni, Awang Ashaway bin Haji Abdul Rahman.

Dalam ucapan alu-aluannya, beliau antara lain menyentuh mengenai perkembangan dan kemajuan kampung dan berharap program seumpama ini akan dapat mengongsikan lebih banyak maklumat yang berguna demi kesejahteraan hidup berbangsa, beragama dan bernegara.



Tingkatkan pengetahuan, kemahiran antara pelajar

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 September. - Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Temasek Secondary School, Singapura, hari ini, mengadakan program kolaborasi secara dalam talian.

Seramai 70 pelajar iaitu 35 pelajar daripada Sekolah Menengah Sayyidina Hasan dan 35 pelajar dari Temasek Secondary School telah menyertai program tersebut.

Program tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Jabatan Humanities di Sekolah Menengah Temasek, Singapura, Awang Reuben Ong dan Pengajar Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, NBD, Dayang Haryani binti Haji Mohammad.

Seterusnya, program diteruskan dengan sesi kongsi sama daripada pelajar-pelajar dari

sekolah-sekolah tersebut.

Program ini merupakan Program Silang-Budaya, iaitu pertukaran budaya dengan rakan sebaya dari luar negara bagi pelajar Menengah 3 di Sekolah Menengah Temasek, Singapura.

Melalui program tersebut, pelajar juga dapat menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari serta berkongsi dan mempelajari budaya sebaya.

SERAMAI 70 pelajar, iaitu 35 pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan dan 35 pelajar dari Temasek Secondary School menyertai program kolaborasi secara dalam talian.



KONGSI PENGALAMAN DALAM BIDANG PENGANTARAAN



BRUNEI Darussalam Arbitration Centre (BDAC) dengan SMC-BDAC 'Accredited Mediator' semasa menganjurkan Fireside Chat : 'A Mediator's Take on Peace Building' (atas dan kanan).

Siaran Akbar dan Foto : Brunei Darussalam Arbitration Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 September. - Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC) dengan SMC-BDAC 'Accredited Mediator' kelmarin menganjurkan Fireside Chat : 'A Mediator's Take on Peace Building', bertempat di Pejabat BDAC, Jalan Kumbang Pasang, di sini.

Sesi perbincangan yang diadakan secara *casual hybrid* itu

dihadiri oleh 29 peserta dari sektor kerajaan, sektor swasta dan pelajar undang-undang serta akademik dan individu, manakala lebih daripada 50 orang menghadiri sesi itu secara maya, termasuk dari Indonesia dan India.

Firechat berkenaan dikendalikan oleh seorang pengantara dari Changaroth Chambers LLC, Singapura, iaitu Anil Changaroth, diiringi oleh SMC-BDAC Accredited

Mediators, Dayang Lenny Rahman dan Camran Nadeem Riaz dari HLR Law sebagai moderator serta Nur' Azizah binti Ahmad dari AIP Law.

Semasa Firechat berkenaan, Anil seterusnya mengambil kesempatan bagi mengongsikan pengalamannya dalam bidang pengantaraan, termasuk pengantaraan di mahkamah, pengantaraan melalui institusi-institusi, pengantaraan secara *adhoc* dan International



State-investors.

Beliau seterusnya membincangkan rangka kerja yang berkait dengan pengantaraan, iaitu proses-proses, pengurusan pelanggan dan kemahiran menyelesaikan masalah, budaya.

Beliau juga menyentuh serba sedikit terhadap Konvensyen Singapura mengenai pengantaraan, amalan pemuliharan dan kecerdasan 'Emosi / Quotient to Mediation' ke arah penyelesaian pertikaian.

BDAC ditubuhkan untuk menyediakan perkhidmatan timbang tara dan pengantaraan untuk memenuhi keperluan

pengguna domestik serta antarabangsa.

Perbincangan adalah yang pertama seumpamanya, yang dianjurkan oleh BDAC, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai pengantaraan dan sebagai sebahagian daripada usaha BDAC untuk menjadi tempat pilihan bagi penyelesaian pertikaian.

Maka dengan adanya perbincangan ini, BDAC berharap orang ramai akan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang ada, yang ditawarkan di BDAC untuk menyelesaikan pertikaian mereka.



Kuku bersih cerminkan personaliti awda

PASTINYA awda akan berasa gelis tatkala melihat kuku yang kotor, hitam dan penuh dengan daki yang terselit, pasti meloyakan. Tidak hanya itu, sebenarnya ada terdapat banyak juga penyakit yang berpunca daripada kuku yang kotor.

Ini kerana daki yang wujud di dalam hujung kuku awda itu adalah hasil kumpulan kotoran dari persekitaran, malah apa yang memudaratkan, ia mungkin penuh dengan mikroorganisme.

Justeru, persoalannya, apa contoh penyakit yang berpunca daripada kuku yang kotor, Tip Kesihatan kali ini akan berkongsi kepada awda mengenainya.

Dari mana muncul daki dalam kuku awda?

Jika awda perasan, daki yang wujud di dalam hujung kuku awda itu akan muncul tanpa disedari. Jika ia tidak dikorek atau dicongkel keluar, oleh itu, daki tersebut juga tidak akan hilang.

Awda akan berasa yakin, jika ia adalah hasil kumpulan kotoran daripada persekitaran terutama apabila jari tangan awda kerap menggaru, menggosok atau menyentuh sesuatu.

Sebenarnya, punca utama ia wujud adalah daripada serpihan atau lebihan keratin dari dinding kuku awda sendiri. Dalam erti kata yang lain, ia mungkin adalah perkara normal.

Kuku berdaki

Tabiat menggaru, menggosok dan menyentuh sesuatu yang kotor akan jadi punca bendasing seperti bakteria untuk memasuki hujung kaki awda dan menjadikannya habitat.

Begitu juga dengan tabiat mengigit kuku, ia turut boleh menjadi punca bakteria yang lama wujud di dalam mulut berpindah ke dalam kuku dan seterusnya menjadi daki.

Berikut adalah antara jenis bakteria yang mungkin wujud dan tinggal di dalam kuku kotor :

1. Pseudomonas
2. Klebsiella
3. Candida Parapsilosis
4. Salmonella
5. E.Coli

Penyakit yang berpunca daripada kuku yang kotor

Bukan sahaja ia akan buat kuku kotor, hitam, buruk dan busuk, malah daki pada hujung kuku yang mungkin penuh dengan bakteria ini juga boleh membawa pelbagai penyakit.

- Bakteria jenis *Pseudomonas* boleh jadi punca infeksi pada kuku terutama buat individu yang gemar pakai kuku palsu. Ini kerana bakteria ini boleh terperangkap. Infeksi ini akan membuatkan kuku kelihatan seperti berwarna hijau atau hitam seakan ia sedang lebam. Kesannya, kuku awda mungkin terpaksa dibuang jika terlalu buruk.

- Bakteria jenis *Klebsiella* pula boleh jadi punca jangkitan pada salur kencing apabila ia masuk ke dalam tubuh badan melalui makanan dan minuman yang diambil individu.

- Bakteria jenis *Candida Parapsilosis* juga boleh jadi punca jangkitan pada salur darah apabila ia masuk ke dalam tubuh badan melalui makanan dan minuman yang diambil individu.

- Keracunan merupakan kondisi yang paling bahaya, kewujudan bakteria pada kuku kotor ini juga boleh jadi punca keracunan makanan apabila ia disentuh dan diambil menggunakan tangan.

- a. Bakteria dalam keracunan tersebut adalah tidak lain dan tidak bukan *Salmonella* serta *E.Coli*. kesannya, awda mungkin akan sakit perut, cirit birit dan muntah-muntah.

Jagalah kuku awda dengan baik

Menurut beberapa kajian yang dibuat di Amerika Syarikat melalui perkongsian Hello Doktor, didapati bahawa individu yang simpan kuku panjang (lebih daripada 3mm) mempunyai bakteria di dalam kuku mereka.

Dalam usaha untuk mengelak mikroorganisme ini wujud di dalam kuku, awda perlu potong kuku pada kadar dan tempoh yang sesuai. Caranya juga perlu tepat agar tidak ada kesan yang lain.

Dalam pada itu, jagalah kebersihan dan kecantikan kuku seperti mana awda menjaga wajah dan kulit badan yang lain. Ingatlah, kuku itu cerminan kepada personaliti individu.



Hukum Dan Permasalahan Berkirim Salam

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MEMBERI dan menjawab salam adalah satu ajaran Islam yang disyariatkan sebagai pengerat silurrahim, pengukuh kasih sayang serta penjana kekuuhan umat. Para ulama bersepakat bahawa memberi salam hukumnya sunat, manakala menjawabnya pula adalah fardhu ain jika orang yang diberi salam itu seorang diri dan fardhu kifayah jika orang yang diberi salam itu ramai.

Hukum di atas ini adalah bagi salam yang diucapkan ketika hadir (bersemuka), iaitu secara langsung kepada orang yang diucapkan salam kepadanya. Selain itu, salam juga biasa dikirim kepada seseorang melalui seorang utusan. Persoalannya, adakah perbuatan berkirim salam melalui utusan ini sama hukumnya dengan salam yang biasa? Irsyad Hukum kali ini akan menjawab persoalan ini serta menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Hukum Berkirim Salam

Hukum berkirim salam kepada orang Islam melalui utusan adalah sunat sebagaimana kata al-'Allamah Zainuddin al-Malibari *Rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-Mu'in*:

Ertinya : Disunatkan mengirim salam kepada orang yang ghaib (tidak hadir).

Walau bagaimanapun berdasarkan perkataan al-'Allamah as-Sayyid al-Bakri *Rahimahullah* dalam kitabnya *I'anah ath-Thalibin*, berkirim salam itu tidak sunat kepada orang Islam yang fasiq atau ahli bid'ah.

Beberapa juga tidak disunatkan bagi lelaki *ajnabi* (yang tiada kaitan mahram atau perkahwinan) berkirim salam kepada perempuan *ajnabiyyah* atau perempuan *ajnabiyyah* berkirim salam kepada lelaki *ajnabi* jika dikhawatiri akan menimbulkan fitnah. Dalam situasi yang dikhawatiri akan menimbulkan fitnah, maka makruh lelaki *ajnabi* memberi salam atau menjawab salam perempuan *ajnabiyyah* dan haram pula bagi perempuan *ajnabiyyah* memberi salam atau menjawab salam daripada lelaki *ajnabi*.

Manakala hukum mengirim salam kepada orang kafir pula adalah haram walaupun dia kafir zimmi.

Hukum Utusan Menyampaikan Salam

Utusan yang diminta menyampaikan salam adalah wajib menyampaikan salam tersebut kepada orang yang dikirim kepadanya salam kerana salam yang

dikirim itu adalah amanah. Bahkan menurut Imam Ibn Qasim *Rahimahullah*, sekiranya salam yang dikirimkan itu adalah untuk disampaikan kepada orang fasiq, utusan berkenaan tetap wajib menyampaikannya kepada orang fasiq itu atas dasar menuaikan amanah.

Beliau berkata :

Ertinya : (Menyampaikan salam itu) perlu walaupun kepada seorang fasiq, maka utusan itu mestilah menyampaikannya kerana dia menanggung amanah.

Salam tetap wajib disampaikan walaupun telah berlalu waktu yang panjang. Oleh yang demikian, sekiranya utusan itu belum menyampaikan salam tersebut setelah berlalu waktu yang panjang sama ada kerana terlupa, belum berkesempatan menyampaikannya atau atas apa-apa sebab lain, maka utusan tersebut masih tetap menanggung amanah itu dan dia tetap wajib menyampaikannya nanti.

Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah*, utusan tersebut dituntut untuk pergi menemui orang yang dikirim kepadanya salam itu sekiranya tidak ada sebarang kesusahan yang berat untuk dia berbuat demikian kerana amanah wajib ditunaikan sebaik yang mungkin.

Walau bagaimanapun, menyampaikan salam belum menjadi wajib ke atas utusan melainkan setelah dia menyatakan persetujuan untuk menanggung amanah tersebut. Sekiranya dia menolak atau tidak berkata apa-apa, maka tidak wajib atasnya menyampaikan salam tersebut.

Perlu diingat bahawa orang yang dianamanahkan untuk menyampaikan salam hanya boleh menolak amanah tersebut di hadapan pengirim salam atau atas pengetahuannya. Sekiranya dia menolaknya selepas beredar dari pengirim salam dan pengirim salam tidak tahu akan penolakannya itu, maka penolakannya tidak diterima dan utusan itu tetap masih menanggung amanah untuk menyampaikan salam tersebut.

Hukum Menjawab Salam Yang Dikirimkan

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* menyebut dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj* bahawa wajib orang yang dikirim kepadanya salam untuk menjawab salam dengan segera sekiranya salam yang dikirim itu diucapkan dengan ucapan salam yang diiktiraf syara'. Antara lafadz salam yang diiktiraf syara' dalam permasalahan berkirim salam adalah seperti dalam contoh berikut :

(i) Pengirim salam (Ahmad) berkata kepada utusan (Ali) :

"Sampaikan salamu saya kepada Zaid"

Kemudian Ali berkata kepada orang yang dikirim kepadanya salam iaitu Zaid :

"Assalamu'alaikum daripada Ahmad"

Sekiranya utusan (Ali) menyampaikan salam seperti lafadz di atas kepada orang yang dikirim kepadanya salam (Zaid), wajib Zaid menjawabnya kerana Ali menyampaikan salam dengan lafadz salam yang diiktiraf syara'.

(ii) Pengirim salam (Ahmad) berkata di hadapan utusan (Ali) :

"Assalam ke atas Zaid, tolong sampaikan salamku itu kepada Zaid"

Ketika Ali berjumpa dengan Zaid, Ali berkata :

"Ahmad mengucapkan salam kepadamu"

Salam dalam contoh kedua ini wajib dijawab oleh Zaid kerana pengirim salam (Ahmad) mengucapkan salam yang dikirimkannya dengan lafadz salam yang diiktiraf syara'.

Apa yang difahami ialah salam wajib dijawab oleh orang yang dikirim kepadanya salam sekiranya salam itu disampaikan dengan lafadz salam yang diiktiraf syara' oleh pengirim salam atau oleh utusannya. Ini adalah pendapat Imam ar-Ramli *Rahimahullah* dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*.

Sekiranya tidak ada seorang pun daripada pengirim salam mahupun utusannya yang mengucapkan atau menyampaikan salam dengan lafadz salam yang diiktiraf syara', maka menurut Imam ar-Ramli *Rahimahullah* salam itu tidak wajib dijawab oleh orang yang dikirim kepadanya salam. Sebagai contoh, pengirim salam (Ahmad) berkata kepada utusannya (Ali) : "Sampaikan salamu untuk Zaid" atau dengan lafadz yang biasa diucapkan dalam masyarakat kita seperti "Kirim salam arah Zaid" lalu Ali berkata kepada Zaid "Ahmad berkirim salam kepadamu" atau "Si Ahmad kirim salam arahmu", maka salam seumpama ini tidak wajib dijawab.

Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* pula berpendapat sebaliknya. Beliau berpendapat bahawa dalam permasalahan berkirim salam, tidak disyaratkan supaya pengirim salam atau utusannya mengucapkan atau menyampaikan salam dengan lafadz salam yang diiktiraf syara'. Oleh yang demikian, salam seumpama itu tetap wajib dijawab oleh orang yang dikirim kepadanya salam.

Pendapat Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* ini lebih selamat dan lebih baik untuk dipegang bagi mengelak daripada terlepas menjawab salam yang wajib dijawab. Dari itu, adalah lebih wajar dijawab sahaja semua salam yang dikirimkan kerana pada realiti dan kebiasaannya orang yang dikirim kepadanya salam itu tidak mengetahui lafadz yang diucapkan oleh pengirim salam ketika dia berkirim salam melalui utusannya dan mungkin utusan itu sendiri juga sudah terlupa lafadz yang diucapkan

oleh pengirim salam itu.

Walaupun demikian, dengan mengambil kira pendapat Imam ar-Ramli *Rahimahullah* yang menyebut bahawa salam yang dikirimkan itu hanya wajib dijawab jika ia diucapkan atau disampaikan dengan ucapan salam yang diiktiraf syara', adalah lebih baik pengirim salam serta utusannya menggunakan lafadz-lafaz salam yang diiktiraf syara' sebagaimana contoh-contoh yang disebut sebelum ini.

Kaifiat Menjawab Salam Yang Dikirimkan

Selain wajib menjawab salam pengirim salam, sunat hukumnya jawapan salam itu diucapkan juga untuk utusan. Menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami dan Imam ar-Ramli *Rahimahumallah*, sunat memulakan jawapan salam untuk utusan terlebih dahulu kemudian kepada pengirim salam. Contoh lafadznya adalah seperti berikut :

عَلَيْكَ وَعَلَيْهِ السَّلَامُ.

Ertinya : Selamat sejahtera ke atasmu dan juga ke atasnya (pengirim salam).

Ketetapan ini berdasarkan sebuah hadits yang diriwayatkan dalam Sunan Abu Daud bahawa seorang sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah menyuruh anaknya menyampaikan salamnya kepada Baginda lalu Baginda menjawab :

Maksudnya : Selamat sejahtera ke atasmu, dan selamat sejahtera juga ke atas bapamu.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Demikian penjelasan mengenai hukum dan permasalahan berkirim salam. Mudah-mudahan penjelasan ini menambahkan ilmu kita khususnya dalam perkara berkirim salam dan sekaligus membantu kita melaksanakan tuntutan salam seumpama yang dikehendaki syara'.



Pilih Islam sebagai pegangan hidup

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

KUALA BELAIT, Isnin, 19 September. - Seseorang yang diberikan hidayah oleh Allah Subhanahu Wata'ala merupakan insan yang terpilih kerana menunjukkan keterbukaan hati dan kelapangan dada seseorang itu mempercayai kebenaran agama Islam yang suci.

Maka dengan itu, adalah perlu

SEORANG lelaki, berbangsa Inggeris, bernama Awang Danny Peter George Crompton, 27 Tahun, memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya yang baharu.

dijaga dengan baik kerana ia juga adalah satu tuntutan daripada Allah Subhanahu Wata'ala untuk meraih keselamatan dan kebaikan hidup manusia, di dunia dan akhirat

Baru-baru ini, seorang lelaki, berbangsa Inggeris, bernama Awang Danny Peter George Crompton, 27 Tahun, memilih agama Islam sebagai pegangan hidupnya yang baharu.

Majlis Pengislaman dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, seterusnya Surah Al-Fatihah.

Sejurus itu, diikuti dengan lafadz Dua Kalimah Syahadah oleh

saudara baharu di hadapan pegawai-pegawai dan kakitangan Unit Pengislaman, Pejabat Unit Dakwah Daerah Belait.

Acara diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada saudara baharu oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pejabat Unit Dakwah Daerah Belait, Dayang Nurhuwaina binti Mamud. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Sejak awal tahun 2022 hingga 31 Ogos 2022, jumlah mereka yang memeluk agama Islam di seluruh Negara Brunei Darussalam ialah seramai 303 orang.

Daripada jumlah tersebut, 58 orang adalah dari Daerah Belait.



IRSYAD HUKUM

حَسَنَتْ مِنْهُ كَلِمَاتُهُ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn

E-mail : fatwa@mufti.gov.bn • info@mufti.gov.bn

TINGKAT PENGETAHUAN PENGENDALIAN PROJEK INDUSTRI PEMBINAAN

Siaran Akbar dan Foto : PUJA Academy Sendirian Berhad

TUNGKU LINK, Isnin, 19 September. - PUJA Academy Sendirian Berhad (PASB) dengan kerjasama Changaroth International Consultancy menganjurkan seminar di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD), baru-baru ini.

Seminar yang bertajuk 'Construction Industry : A fresh look at Collaborative approach to managing projects, avoiding conflicts resolving disputes' tersebut disampaikan oleh Anil Changaroth dari Changaroth International Consultancy; Yang Dipertua Persatuan Undang-undang Brunei Darussalam, Awang Haji Mansur bin Dato Paduka Dr. Haji Latif

dan Lenny Rahman dari HLR Advocates and Solicitors sebagai moderator seminar.

Seminar ini membincangkan mengenai bagaimana gangguan besar temasuk rantaian bekalan dan buruh menjelaskan projek pembinaan.

Anil Changaroth telah mengongsikan pandangan beliau tentang bagaimana dunia telah berubah sehingga kini dan amatlah penting ia dipertimbangkan dengan kerjasama dalam menguruskan projek, mengelakkan konflik dan menyelesaikan pertikaian.

Manakala Yang Dipertua Persatuan Undang-undang Brunei Darussalam, Awang Haji Mansur menerangkan aspek undang-undang dari perspektif

di Negara Brunei Darussalam dan faedah pengantaraan sebagai satu bentuk penyelesaian pertikaian yang perlu diambil oleh semua pihak dalam kontrak terlebih dahulu sebelum litigasi.

Seminar ini dibahagikan kepada dua sesi, pada sesi pertama meneroka mengenai tajuk 'Memandangkan bagaimana dunia telah berubah, mempengaruhi rantaian bekalan, jenis pertikaian pembinaan yang mungkin timbul' dan separuh kedua meneroka mengenai bagaimana 'Mempertimbangkan perubahan landskap Pengelakan Konflik yang Sesuai dan Penyelesaian pertikaian dan kontrak kerjasama'.

Kedua-dua sesi ini telah dibentangkan oleh Anil Changaroth.



ANIL Changaroth dari Changaroth International Consultancy pada seminar di Bilik Senat, Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

Seminar ini mendapat maklum balas yang hebat di mana lebih 80 peserta terdiri daripada Ahli PUJA dan Ahli Industri Pembinaan menyertai seminar tersebut.

Topik seminar ini memenuhi keperluan profesional dan memberikan pandangan tentang pengendalian projek dalam industri pembinaan serta mengelakkan

konflik dan menyelesaikan pertikaian.

PUJA Academy Sdn. Bhd. secara aktif menawarkan Webinar dan kursus maya untuk meningkatkan kecekapan ahli (PUJA) dan Industri Pembinaan, dengan misinya untuk 'Menggalakkan Kesedaran, Meningkatkan Pengetahuan dan Meningkatkan Pengalaman'.

منجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كولان فوسة دعوه اسلاميه

Hadapi akhir zaman dengan penuh keimanan

SESUNGGUHNYA kehidupan di dunia ini amatlah singkat berbanding kehidupan abadi di akhirat yang kekal selama-lamanya. Justeru itu, ajaran Islam menuntut kita berusaha untuk mempertingkatkan kuantiti dan kualiti ibadat kerana kita amat jelas bahawa matlamat penciptaan manusia di dunia ini adalah untuk beribadah kepada Allah semata-mata.

Allah Subhanahu Wata'ala menganjurkan agar seluruh kehidupan manusia diisi dengan amal ibadah. Ini adalah kerana kita akan kembali kepada-Nya membawa segala amal ibadah yang dilakukan di dunia ini untuk dihitung dan dihisab di akhirat kelak. Tidak ada satu pun perkara dalam kehidupan ini yang akan terlepas daripada perhitungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Maka dengan itu sudah pasti kita perlu memanfaatkan umur yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbaiki kualiti iman kita setiap saat dengan melakukan sebanyak-banyaknya amal soleh untuk mencapai keredaan-Nya.

Ayat pertama Surah Al-Anbiyaa' menjelaskan mengenai Hari Kiamat dan sikap manusia yang lupa dan laik terhadap kehidupan hari akhirat, hisab dan pembalasan, sedangkan kiamat itu sudah dekat kedadangannya. Ini kerana mereka sibuk dan leka dengan kenikmatan hidup di dunia. Mafhumnya : "Telah dekat kepada manusia waktu hisab mereka (Hari Kiamat) sedang mereka dalam keadaan laik lagi berpaling (daripada beriman kepadanya)".

Para ulama menjelaskan ayat ini merupakan *ta'ajub* iaitu keanehan terhadap keadaan sebahagian besar manusia yang tetap saja laik dan berpaling. Peringatan dan nasihat seolah-olah tidak bermanfaat bagi mereka, padahal hari penghisab dan pembalasan terhadap amal mereka telah

dekat. Mereka laik dan leka menjalani kehidupan di dunia. Oleh yang demikian, Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa memperingatkan agar mereka kembali.

Sememangnya, sifat manusia itu terkadang laik dan alpa, tahap serta kualiti keimanan itu pun sering turun dan naik. Justeru, tiga perkara yang boleh kita amalkan bagi memastikan keimanan kita terus meningkat dan istiqamah, antaranya :

- Mempelajari ilmu agama bersumberkan Al-Quran dan hadis.

Islam menganjurkan umatnya untuk terus menuntut serta mendalami ilmu khasnya ilmu agama. Ini adalah kerana ilmu agama itu dapat mendorong seseorang individu itu untuk menjadi semakin bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala bahkan pengetahuan yang mendalam mengenai agama itu dapat menjadikan seseorang itu semakin taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan semakin takut untuk berbuat kemungkaran dan kemaksiatan. Justeru, mempelajari ilmu yang bermanfaat itu, di antaranya adalah membaca Al-Quran dan mentadbirnya, mempelajari nama-nama dan sifat-sifat Allah Subhanahu Wata'ala, membaca sirah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan sebagainya.

- Bertafakur; merenung ciptaan dan tanda-tanda kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Umat Islam digalakkan untuk bertafakur dan merenung ciptaan Allah. Tujuannya adalah agar kita menyedari betapa hebatnya kuasa dan ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala serta dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala sekali gus menyingkir sifat angkuh dan sompong dalam diri. Dalam firman-Nya, Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan

untuk bertafakur iaitu dalam Surah Ali 'Imran ayat 190-191, tafsirnya :

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi serta pertukaran malam dan siang terdapat tanda-tanda (kekuasaan dan kebijaksanaan Allah) bagi orang-orang yang berakal (yang dapat memikir dan memahaminya). (laitu) orang-orang yang mengingat Allah dalam keadaan berdiri, duduk atau berbaring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata) : 'Ya Tuhan kami! Tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab neraka'."

Dengan banyak bertafakur, setiap langkah dan jalan hidup pastinya akan selalu dibimbing oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Begitu juga dengan mengingati dahsyatnya keadaan di hari akhirat boleh membuatkan kita semakin dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Ada beberapa surah yang menceritakan dahsyatnya hari Kiamat antaranya, Surah Qaf, Al-Waqi'ah, Al-Qiyamah, Al-Mursalaat, An-Naba', Al-Muthaffifiin, dan At-Takwir. Ini termasuk juga hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sememangnya kita sebagai manusia kadang-kadang cenderung mengingkari nikmat-nikmat Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru dengan membaca tentang kejadian Hari Kiamat akan membuka mata hati kita, malah menyedari akan 'kekerdilan' kita sebagai hamba-Nya. Semua pengetahuan kita tentang kejadian Hari Kiamat, umpamanya berkumpul di padang mahsyar, hari hisab, balasan syurga atau neraka; semua itu dapat menambah keimanan dan kesyukuran kita.

- Meningkatkan amalan.

Sebagai hamba-Nya kita hendaklah

bersungguh-sungguh dalam meningkatkan dan memperbaiki amalan-amalan fardu serta memperbanyak amalan-amalan sunat secara istiqamah. Oleh itu, perbanyakkan zikir, bertasbih, tahlil, takbir, istighfar, berselawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta mengajak orang lain kepada kebaikan, dan melarang kemungkaran. Selain itu, ciptakanlah sifat-sifat mahmudah seperti sabar, tawakal, takut kepada Allah dan jauhilah sifat-sifat yang mazmumah seperti tamak, kikir, berprasangka buruk dan sebagainya.

Justeru itu, demi menghadapi kehidupan di zaman yang serba mencabar ini, seorang Muslim yang baik itu hendaklah lebih banyak mengingati Allah dengan penuh keimanan, bersyukur dan memuji Allah dalam setiap saat dan kita perlu beringat sesungguhnya kehidupan kita ini cuma sementara. Hakikatnya, kita ini hanyalah musafir. Kematian adalah satu-satunya jalan atau proses menuju akhirat dan hanya iman dan takwa serta amal ibadah yang disertakan dengan mengharap keredaan Allah Subhanahu Wata'ala sahajalah yang akan menjamin kebahagiaan kita di dunia dan di akhirat kelak.

Secara kesimpulannya, kita hendaklah mula bertindak mempertingkatkan dan istiqamah dalam amalan-amalan kita. Sisihkan segala dosa, maksiat dan kemungkar serta bersihkan diri daripada segala sifat mazmumah. Hiaskan semula kehidupan dengan akhlak mahmudah dan jalani kehidupan dengan syariat Allah Subhanahu Wata'ala dan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar kita menjadi hamba-Nya yang berjaya menghadapi hidup ini lebih-lebih lagi dunia akhir zaman yang penuh fitnah ini.



RASUAH : SEORANG PENJAWAT AWAM DIDAKWA

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Seorang lelaki warga tempatan berumur 37 tahun, yang bertugas sebagai Warder di Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, telah didakwa di Mahkamah Majistret hari ini di atas dua pertuduhan di bawah kesalahan Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 dan satu tuduhan di bawah Akta Penjara, Penggal 51.

Defendant, Asmali bin Abdullah didakwa bagi dua kesalahan di bawah Bab 6(a) Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131 bagi menerima wang rasuah sebanyak dua kali iaitu BND100 pada 13 Mac 2022 dan BND200 pada 26 April 2022 daripada dua individu yang berlainan sebagai dorongan atau ganjaran bagi membenarkan tanpa kebenaran yang dibenarkan oleh pihak atasan, dua orang banduan untuk masing-masing menghubungi seseorang di luar penjara menggunakan telefon bimbitnya.

Defendant juga didakwa bagi satu lagi kesalahan di bawah Peraturan Penjara di bawah Akta Penjara bagi melakukan kesalahan menyampaikan komunikasi tanpa kebenaran yang sah kepada seorang banduan di mana adalah melanggar Peraturan 329(q) Peraturan Penjara di bawah Akta Penjara, Penggal 51.

Defendant mengakui tidak bersalah terhadap ketiga-tiga pertuduhan yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Dayangku Didi Nuraza binti Pengiran Haji Abdul Latif.

Hakim Harnita Zilda Skinner telahpun menetapkan kes ini untuk disebutkan lagi pada 3 Oktober 2022. Sementara itu, defendant telah dilepaskan dengan ikat jamin mahkamah sebanyak BND10,000 atau dua orang penjamin berserta syarat-syarat yang lain.

Biro Mencegah Rasuah ingin memberi peringatan kepada semua penjawat awam yang berkhidmat di bawah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, termasuk pegawai-pegawai pemulihan dan mana-mana pegawai penguasa undang-undang yang memainkan peranan utama dan penting dalam sistem keadilan menjahab bagi menegakkan keadilan, tanpa mengira pangkat dan kedudukan mereka, bahawa menerima atau menawarkan rasuah kepada mana-mana orang adalah satu kesalahan yang serius di bawah Bab 6 Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131, yang akan dihukum jika disabitkan bersalah dengan hukuman maksimum denda BND30,000 dan tujuh tahun penjara.

2 individu ditahan reman akibat mendera

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Seorang kanak-kanak lelaki berusia 4 tahun maut dipercayai akibat didera.

Sehubungan itu, dua orang individu iaitu M S bin Haji N (Defendant 1) berusia 27 tahun dan N A S binti A T (Defendant 2) berusia 23 tahun telah ditangkap pada 17 September 2022. Pihak pendakwaan memohon kedua-dua defendant direman selama seminggu bagi siasatan polis.

Majistret Kanan, Harnita Zilda Skinner membenarkan permohonan pendakwaan dan menetapkan tarikh 26 September 2022 untuk sebutan lanjut kes berkenaan.

Mengikut pertuduhan, pada kejadian antara bulan Ogos 2022 dan 17 September 2022, defendant-defendant telah menjaga seorang kanak-kanak iaitu Mr X (lelaki, 4 tahun) dan telah mendera dengan cara yang mungkin menyebabkan kecederaan fizikal.

Jika sabit kesalahan, defendant boleh dihukum di bawah Seksyen 28(1)(a) Akta Kanak-Kanak dan Orang Muda, Bab 219.

Kes ini melibatkan kematian seorang budak lelaki berusia 4 tahun dan kini dalam siasatan oleh Unit Siasatan Penderaan Wanita dan Kanak-kanak, CID RBPF.

Penyerahan wakaf bagi kegunaan masjid

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Pelajar Melayu Islam Beraja, Universiti Brunei Darussalam

KILANAS, Selasa, 20 September. - Dalam menjalankan kerja-kerja kebajikan kepada masyarakat di samping meraih pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala, sekumpulan pelajar Universiti Brunei Darussalam (UBD) Sesi 2022-2026 mengadakan Majlis Penyerahan Wakaf berbentuk barang keperluan asasi untuk kegunaan Masjid Kampung Kilanas, di sini.

Acara tersebut dikendalikan oleh Pensyarah UBD, Awang Haji Rafee bin Haji Shahif di bawah Program Melayu Islam Beraja (MIB).

Hadir menyampaikan sumbangan barang wakaf tersebut ialah Presiden Sub-Kumpulan 2, Kumpulan 18, UBD iaitu Dayang Nur Afiqah Hafizah binti Haji Esa kepada Pegawai Masjid Kampung Kilanas, Haji Mohd. Redzuan bin Haji Marzuki yang disaksikan oleh Ketua Kampung Kilanas, Haji Abdul Rahman bin Haji Pudin.



SEKUMPULAN Pelajar Universiti Brunei Darussalam Sesi 2022-2026 mengadakan Majlis Penyerahan Wakaf berbentuk barang keperluan asasi untuk kegunaan Masjid Kampung Kilanas.

Barang keperluan asasi berkenaan merupakan hasil kutipan wang daripada kumpulan pelajar UBD Program MIB tersebut.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun PenggunaBijak

Dipenjara jika gagal bayar denda

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 20 September. - Seorang lelaki, warga tempatan, dijatuhan hukuman denda BND7,600 atas satu pertuduhan, di bawah Seksyen 146 (1) (d) Perintah Eksais, 2006 kerana membawa barang tegahan.

Dan jika gagal membayar denda tersebut, maka hukuman tujuh bulan penjara dijatuhan ke atas tertuduh, Md. Zulwafiy bin Ahad.

Tertuduh, berumur 33 tahun, mengaku bersalah dan hukuman ke atasnya dijatuhan oleh Majistret Syafiq bin Awang Haji Zakaria, di Mahkamah Majistret, di sini.

Mahkamah juga menetapkan tempoh menjelaskan denda tersebut hingga 27 Disember 2022.

Md. Zulwafiy didakwa atas kesalahan kerana memiliki

Cabul kehormatan : Lelaki mengaku tidak bersalah

Oleh : Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Seorang lelaki warga tempatan mengaku tidak bersalah atas satu pertuduhan di bawah Seksyen 354B Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 kerana didapati mencabul kehormatan anak saudaranya.

Semasa prosiding, pihak pendakwaan membantah supaya defendant tidak dibebaskan dengan ikat jamin mahkamah dengan alasan bahawa defendant menghadapi kesalahan berat yang boleh dikenakan hukuman penjara

minimum tiga tahun dan maksimum selama 10 tahun.

Bukan itu sahaja, pihak pendakwaan juga berhujah di mana ia berisiko tinggi, yang mana defendant akan mengganggu mangsa dan saksi-saksi lain yang terdiri daripada ahli keluarganya kerana mereka tinggal serumah dengan defendant.

Pada 16 September 2022, kira-kira jam 3.00 pagi, defendant (S bin A), berumur 51 tahun didakwa melakukan perbuatan tersebut di dalam bilik tidur di sebuah rumah, di mana defendant menggunakan kekerasan jenayah

sembilan karton dan empat paket rokok semasa ditangkap dalam Operasi Sepadu Biro Kawalan Narkotik serta Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di sebuah rumah, di kawasan Kampung Perpindahan Serasa, pada 27 Julai 2022.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas dan diserahkan ke kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

ke atas mangsa (Miss X), yang berumur di bawah 18 tahun, iaitu dengan memeluk pinggang mangsa manakala mangsa berbaring di atas katil bersama defendant.

Hakim Mahkamah Perantaraan Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni menangguhan kes tersebut hingga esok untuk membuat keputusan sama ada defendant patut dibebaskan dengan jaminan mahkamah atau tidak.

Kes tersebut akan disebut semula pada jam 11.00 pagi, 20 September 2022.


INISIATIF MURNI TERAP NILAI BERKEBAJIKAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Ihsan Mahasiswa / Mahasiswa Akademi Pengajian Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 20 September. - Seramai lapan mahasiswa dan mahasiswa Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam

(UBD) mengungkayahkan Kempen Kebersihan, yang diadakan di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia, baru-baru ini.



Aktiviti yang diketuai oleh Dayang Maisarah binti Haji Jahari itu merupakan Projek Kemasyarakatan bagi Modul Melayu Islam Beraja iaitu 'Gotong-royong berkempen di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad'.

Justeru, pihak masjid berkenaan sangat berbesar hati dan menzahirkan penghargaan terima kasih atas inisiatif murni dan berkebajikan ke arah sama-sama mengharapkan ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wata'alaa dengan menerapkan nilai-nilai suci sedemikian.

Adapun tujuan projek tersebut antara lain untuk memupuk para pelajar untuk menjaga kebersihan masjid.

Selain itu, adanya aktiviti seumpama itu secara tidak langsung dapat melahirkan nilai murni dalam diri pelajar, memupuk semangat kerjasama dan menanam sifat menjaga kebersihan yang sememangnya digalakkan dalam ajaran Islam.

MAHASISWA dan mahasiswa Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengungkayahkan Kempen Kebersihan, yang diadakan di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohammad, Kampung Setia (kiri, kanan dan atas kanan).



MINDA PEMBACA

Mengukuhkan akhlak generasi muda

GEJALA keruntuhan akhlak terutamanya pada golongan muda adalah berpunca daripada rapuhnya tahap keimanan dan kurangnya penghayatan Islam. Disebabkan globalisasi, golongan muda masa kini terdedah dan mudah terikut-ikut budaya luar yang tidak sihat. Perkara ini perlu diberi perhatian sewajarnya oleh ibu bapa, penjaga dan pihak kerajaan agar generasi muda kita tidak terpesong atau hilang identiti.

Langkah utama dalam mengukuhkan akhlak generasi muda ketika mereka baru dilahirkan adalah terletak pada ibu bapa atau penjaga mereka. 'Melentur buluh biarlah dari rebungnya', ibu bapa atau penjaga

bertanggungjawab sebagai pendidik awal untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak serta menjadi contoh yang baik kepada mereka.

Selain itu, ibu bapa atau penjaga anak-anak perlu mengambil tahu akan kegiatan yang dilakukan anak-anak mereka terutama kegiatan-kegiatan dalam talian. Hal ini adalah kerana pada masa kini terdapat banyak aplikasi yang mudah dimuat turun ke dalam peranti mudah alih dan memaparkan budaya yang bertentangan dengan agama atau budaya masyarakat kita.

Pihak kerajaan perlu memperkasakan sistem pendidikan dengan menyediakan kurikulum atau

aktiviti kokurikulum yang berkaitan dengan pengukuhan akhlak secara lebih kerap seperti mengadakan Kem Jati Diri, Kem Kaunseling, Hari Sivik, Hari Melayu Islam Beraja, Hari Pengetahuan Ugama Islam dan mewajibkan penyertaan golongan muda dalam Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Disiplin di sekolah juga perlu lebih tegas agar melahirkan golongan muda yang patuh pada peraturan dan bertanggungjawab setelah tamat sekolah kelak.

Kesimpulannya ibu bapa, penjaga dan pihak kerajaan berperanan besar dalam menangani masalah keruntuhan akhlak generasi muda. Ibu bapa dan penjaga bertanggungjawab dalam mendidik dan menerapkan

nilai-nilai murni serta menjadi contoh yang baik kepada anak-anak mereka. Mereka juga perlu memantau kegiatan sehari-hari anak-anak mereka terutama aktiviti dalam talian anak-anak agar minda mereka tidak diracuni budaya yang tidak sihat. Pihak kerajaan pula perlu lebih tegas dan menyediakan aktiviti kurikulum atau kokurikulum yang dapat mengukuhkan akhlak generasi muda kita demi kedaulatan bangsa, agama dan negara.

Nama : Hazman bin Hamidun
No. K/P : 00-322XXX (K)

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Manfaatkan Ilmu dalam Memajukan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 21 September 2022
2. 'Wujudkan Masyarakat Sihat Tanpa Dadah'. Tarikh Tutup : 28 September 2022
3. 'Terapkan Sikap Jujur, Amanah Dalam Berniaga'. Tarikh Tutup : 5 Oktober 2022

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DI DALAM

Kelas :
AGEN / PENJUAL KENDERAAN
BERMOTOR BAHARU

Kategori :
AGEN / PENJUAL KENDERAAN
BERMOTOR BAHARU

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / 22 / SME / 2022

Nama Projek :
MEMBEKAL DUA (2) UNIT
'5-SEATERS WAGON' UNTUK
JABATAN JALAN RAYA,
JABATAN KERJA RAYA

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
4 Oktober 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
18 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang



DEWAN BAHASA
DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

1. Nama Tawaran :
Supply And Install Sunscreen
Roller Blinds At Dewan Bahasa
Dan Pustaka, Muara

Bilangan Tawaran :
20 / DBP / SH / 2022-2023

Tarikh Tutup :
Selasa,
4 Oktober 2022

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Tawaran :
MINDEF / DFA / RC / 275 (1)

Tajuk Tawaran :
VEHICLE LEASING FOR THE
ROYAL BRUNEI ARMED
FORCES AND MINISTRY OF
DEFENCE - FIVE (5) YEARS
CONTRACT

Bayaran Tawaran :
BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah 2 minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 15 November 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 13 Disember 2022,
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DI DALAM

Kelas :
V

Kategori :
M01

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / 24 / BPB / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL BAGI
OPERASI DAN KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN SISTEM
PENGHAWA DINGIN DI
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI
DAN BRUNEI DARUSSALAM
CENTRAL BANK (BDCB),
JALAN COMMONWEALTH,
UNTUK TEMPOH SATU (1)
TAHUN

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / 25 / BPB / 2022

Nama Projek :
KERJA-KERJA PENGANTIAN
BAGI SISTEM 'CHILLERS' DI
BANGUNAN BAHIRAH,
JABATAN AUDIT, JALAN
MENTERI BESAR, BERAKAS,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :
Selasa,
4 Oktober 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
18 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA

Bilangan Tawaran :
KHEU / KW / S / 3
PERKHIDMATAN GROCERY
STORE KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA,
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BAGI
TEMPOH SATU (01) TAHUN

Tarikh Buka Tawaran :
Isnin, 15 Safar 1444H /
12 September 2022M.

Tarikh Akhir Mengambil Borang Tawaran :
Rabu, 16 Rabuulawal 1444H /
12 Oktober 2022M.



Bilangan Tawaran :
KHEU / BDP / LTK / 002 / 2022

Tajuk Tawaran :
Pengubahsuai Bilik
Mesyuarat, Majlis Ugama Islam
Brunei, Tingkat 1, Bangunan
Tambahan Kementerian Hal
Ehwal Ugama.

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DI DALAM

Kelas :
V

Kategori :
M01

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / 24 / BPB / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL BAGI
OPERASI DAN KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN SISTEM
PENGHAWA DINGIN DI
BANGUNAN KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN EKONOMI
DAN BRUNEI DARUSSALAM
CENTRAL BANK (BDCB),
JALAN COMMONWEALTH,
UNTUK TEMPOH SATU (1)
TAHUN

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

DUA (2) TAHUN.

No. Projek :
JASTRE / BL / T019 / 2022

KELAS III & V

KATEGORI KPB12

JASTRE / BL / T020 / 2022
PEMELIHARAAN LANDSKAP DI
SEPANJANG LEBUH RAYA
TUNGKU MENUJU KE
LEBUHRAYA MUARA-TUTONG,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BAGI TEMPOH
TIGA (3) TAHUN.

Tarikh Buka Tawaran Pada :
Rabu, 21 September 2022

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa, 4 Oktober 2022

Tarikh Tutup Pada :
18 Oktober 2022, Selasa,
sebelum jam 2.00 Petang.

(Ditutup di Pejabat Lembaga

Tawaran Kecil, Tingkat Bawah,
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas, Bandar
Seri Begawan, BB3510, Negara
Brunei Darussalam).

No. Projek :
JASTRE / BL / T020 / 2022

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

Kelas :
II, III, IV ATAU V

Kategori :
S02

JASTRE / BL / T019 / 2022
KERJA-KERJA PEMOTONGAN
RUMPUT DI SEPANJANG
LEBUH RAYA TUNGKU
MENUJU KE LEBUHRAYA
MUARA-TUTONG,
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM BAGI TEMPOH

Pemberitahuan Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0019 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'To Supply, Delivery,
Installation, Testing And
Commissioning Of Tissue
Embedding System For Aquatic
Animal Health And Laboratory
Service Centre Histology
Laboratory, Department Of
Fisheries'

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0020 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'Technical Service, Preventive
Maintenance and Calibration
For Hach Dr 5000 And Hach Dr
3900 Spectrophotometer In
Accordance To Manufacturing
Specification'

Bilangan Sebut Harga :
IKAN / 78(Q) / 0021 / 2022

Tajuk Sebut Harga :
'Technical Service For
Calibration Of Laboratory
Equipment In Compliance
ISO/IEC 17025 Standard'

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis,
6 Oktober 2022,
Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA

Bilangan Tawaran :
KHEU / KW / S / 2
PERKHIDMATAN CUBE STORE
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA, KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM BAGI
TEMPOH SATU (1) TAHUN

Tarikh Buka Tawaran :
Isnin, 15 Safar 1444H /
12 September 2022M.

Tarikh Akhir Mengambil
Barang Tawaran :
Rabu, 16 Rabiulawal 1444H /
12 Oktober 2022M



KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA

Bilangan Tawaran :
KHEU / KW / S / 1
PERKHIDMATAN CAFETERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA, KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA, NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM BAGI
TEMPOH TIGA (3) TAHUN

Tarikh Buka Tawaran :
Isnin, 15 Safar 1444H /
12 September 2022M.

Tarikh Akhir Mengambil
Barang Tawaran :
Rabu, 16 Rabiulawal 1444H /
12 Oktober 2022M



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Kelas :
Open

Kategori :
KBP11A
- KOD BAHRU

Bilangan :
JKR / DTS / 17 / STE / 2022 - T /
II

Nama Projek :
KERJA-KERJA PEMBAIKAN
STRUKTUR BANGUNAN
EXISTING HOSTEL BUILDING
DI PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 September 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN
PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

No Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / DITU /
TA / 05

Tajuk Tawaran :
SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION, TEST AND
COMMISSIONING OF FIBER
OPTIC FOR DUN, DAN AND
PERHUBUNGAN TLDB

Bayaran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Terakhir bagi pembelian
Barang Tawaran adalah
seminggu sebelum tarikh
tutup tawaran, iaitu
Isnin, 19 September 2022

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 September 2022,
Jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Kelas :
II SAHAJA

Kategori :
KA01, S02 SAHAJA

Bilangan :
JKR / DWS / 020 / 2022

Nama Projek :
KONTREK PENGGAL BAGI
KERJA-KERJA OPERASI DAN
PEMELIHARAAN DI TUTONG
BARRAGE DAN GAUGING
STATION, TUTONG

Tarikh Tutup Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
27 September 2022,
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)



MINDEF / DFA / FY2022 / MAB /
TA / 06

Tajuk Tawaran :
PEMBELIAN DAN
Pemasangan Perisian
HELPDESK TICKETING
SYSTEM

Bayaran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

No. Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2022 / MAB /
TA / 07

Tajuk Tawaran :
PEMBELIAN DAN
Pemasangan PERALATAN
NETWORK FIREWALL

Bayaran Tawaran :
BND130.00
(Tidak dikembalikan)



IV / V

Kategori :
M01

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / 17 / BPB / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL
BAGI OPERASI DAN
KERJA-KERJA
PEMELIHARAAN SISTEM
HAWA DINGIN BAGI 'GROUP
LOCATION 2A' UNTUK TEMPOH
DUA (2) TAHUN (2022)

Kelas :
III / IV

Kategori :
M01

Bilangan Tawaran :
JKR / DME / 18 / BPB / 2022

Nama Projek :
KONTRAK PENGGAL BAGI
OPERASI DAN KERJA-KERJA

PEMELIHARAAN SISTEM
HAWA DINGIN BAGI
'GROUP LOCATION 2B' UNTUK
TEMPOH DUA (2) TAHUN (2022)

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
27 September 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



PERATURAN
PENGIKLANAN
(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)
DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan TIDAK kurang dari dua (2)
minggu sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca juga menggunakan Microsoft
Word dengan Font ARIAL saiz 12.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan
apa-apa keperluan iklan berkenaan,
seperti tarikh dijangka terbit,
kekerapan terbitan untuk diiklankan
dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
+673 8622969

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKAN
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH BESAR
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN

NOTIS MENGENAI
PEMBAYARAN
DIVIDEN PERTAMA

BCY / CP / 462 / 2011

NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA

Nama Penghutang - MAHADI BIN ABDULLAH (BYIC No.: 00-112762)
Alamat - Lot 88, Spg. 42-21, Jalan Dipa Negara, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan No. 462 - 2011. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 18.51%. Pertama atau terakhir selainnya - Pertama Bila Kena dibayar - 31 Ogos 2022. Di mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
27 Ogos 2022

HAJAH NORMAZDINA
BINTI HJ MD MASKUB
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

SAHMUNAH BINTI HAJI MUNAP
(BYIC No. 00-298113)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **14 Oktober 2013** telah **dibatalkan pada 25 Ogos 2022**.

Nama Penghutang :
SAHMUNAH BINTI HAJI MUNAP

Alamat Penghutang :
No. 15, Simpang 726-17,
Kampung Kasat, BJ1724,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
31 Ogos 2022

HAJAH NORMAZDINA BINTI
HAJI MD. MASKUB
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 148 / 2015

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pembiutang / Pemelisyen

MOHAMAD SEFARI BIN
MOHAMED MANGSOR
(Kad Pengenalan Brunei :
00-282506 - Kuning)
- Penghutang / Penentang

NOTIS PERINTAH
PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :
a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Ogos 2022**.

Nama dan alamat Bankrap :

MOHAMAD SEFARI BIN
MOHAMED MANGSOR
No. 8, Jln. Spg. 13-13-7,
RPN Lambak Kanan, Berakas
BD2715,
Negara Brunei Darussalam.

MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM

DI DALAM MAHKAMAH
DI NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN

KES NO. BCY / CP / 141 / 2009

BAIDURI BANK BERHAD
- Pembiutang Penghakiman /
Pemelisyen

MUAMAD @ MOHAMMAD BIN
HAJI HASSAN
(BYIC No. 00-045202)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

NOTIS PEMBATALAN

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada **19 November 2009** telah **dibatalkan pada 25 Ogos 2022**.

Nama Penghutang :
MUAMAD @ MOHAMMAD BIN
HAJI HASSAN

Alamat Penghutang :
No. 10, Simpang 59-10,
Perpindahan Mentiri,
Jalan Kota Batu, BU2129,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
31 Ogos 2022

NURUL HIDAYAH BINTI
HAMDAN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 159 / 2010

BAIDURI BANK BERHAD
- Pembiutang Penghakiman /
Pemelisyen

IKLAN

Brunei Darussalam

BCY / CP / 386 / 2008

NOTIS MENGENAI DIVIDEN
PERTAMA

Nama Penghutang - JD1:
BURHAN BIN HAJI MOHAMMAD
HUSSAIN (ID No.: 00-117199)
Alamat - No. 6, Simpang 85-7,
Kampung Manggis Satu, Jalan
Muara, BC3615, Negara Brunei
Darussalam. **Nombor** -
Kebankrapan No. 311 / 2010.
Banyaknya bagi tiap-tiap satu
ringgit - 2.25%. Pertama atau
terakhir selainnya - Pertama Bila
Kena dibayar - 27 Ogos 2022. Di
mana Kena Bayar - Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat
2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
5 September 2022

NURUL HIDAYAH
BINTI HAMDAN

Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan :
16 Jun 2022

- b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.
- c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
31 Ogos 2022

KES NO. BCY / CP / 45 / 2020

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
- Pembiutang / Pemelisyen

MOHAMMAD YUSRI BIN
RAMLEE
(Kad Pengenalan Brunei :
00-297522 - Kuning)

NOTIS PERINTAH
PENGHUKUMAN

SILA ambil perhatian bahawa :

- a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Ogos 2022**.

Nama dan alamat Bankrap:
MOHAMMAD YUSRI BIN
RAMLEE
No.19, Simpang 42,
Jln. Pengkalan Pinang,
Kg. Penanjong Tutong TA2741,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
15 Jun 2022

- b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DI DALAM

Kelas : III

Kategori :
KPB04

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSBM015 / 2022

Nama Projek :
PENGGANTIAN KESELURUHAN
PAIP BANGUNAN
INSTITUT PERKHIDMATAN
AWAM KAMPUNG RIMBA,
NEGARA BRUNEI

DARUSSALAM

Bilangan Projek :
2022DBSBM / IPA.01

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
27 September 2022,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION,
CONFIGURATION, TESTING,
COMMISSIONING AND
WARRANTY

Bilangan Tawaran :
MOE / LTK / 62 / 2022 / 2023
[PTP-SEPT-2022]

Keterangan :
THE SUPPLY, DELIVERY,
INSTALLATION,
CONFIGURING, TESTING,
COMMISSIONING AND
WARRANTY OF MOBILE
LEARNING DEVICE.

Kelas :
SYARIKAT ICT YANG

BERDAFTAR

Bayaran Yuran / Tawaran :
BND35.00
[Bayaran Yuran Tawaran
sebanyak BND30.00 dan
E-Dokumen sebanyak
BND5.00 tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 September 2022,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

yang berikut pada **25 Ogos 2022**.

Nama dan alamat Bankrap:
SURAYATI BINTI YUSOP
No. 534, Kampung Keriam,
Tutong TB1141,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
1 September 2021

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
31 Ogos 2022

HAJAH NORMAZDINA BINTI
HAJI MD. MASKUB
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

GALAK PESERTA MEMAHAMI, MENDALAMI EKOSISTEM KEUSAHAWANAN TEMPATAN



ANTARA pelajar institusi pengajian tinggi menyertai bengkel bertajuk 'Become a Successful Owner Manager (BSOM)' dari 12 hingga 15 September 2022 bertempat di Dewan Teater Kuliah 2, Universiti Teknologi Brunei.

Siaran Akhbar dan Foto : Shell LiveWIRE Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Seramai 75 pelajar institusi pengajian tinggi menyertai bengkel bertajuk 'Become a Successful Owner Manager (BSOM)' dari 12 hingga 15 September 2022 bertempat di Dewan Teater Kuliah 2, Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Bengkel berkenaan dianjurkan oleh Shell LiveWIRE Brunei dan disokong oleh UTB sebagai rakan strategik melalui Enterprise Office, dengan tujuan untuk menggalakkan para peserta memahami lebih mendalam mengenai ekosistem keusahawanan tempatan dan melengkapkan mereka dengan petua dan rahsia untuk menjadi seorang pengurus yang berjaya.

Universiti yang turut mengambil bahagian termasuk UTB, Universiti

MENGALAKKAN para peserta memahami lebih mendalam mengenai ekosistem keusahawanan tempatan dan melengkapkan mereka dengan petua dan rahsia untuk menjadi seorang pengurus yang berjaya.

BSOM merupakan satu inisiatif daripada Shell LiveWIRE Brunei untuk menyokong usaha berterusan negara dalam mempelbagaikan ekonomi dan menggalakkan penyertaan aktif untuk meningkatkan pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam negara.

MENGALAKKAN peserta mengembangkan idea perniagaan mereka kepada realiti, serta untuk mendapatkan pemahaman tentang ekosistem keusahawanan tempatan dan operasi perniagaan seperti pemasaran, pengurusan, dan kawalan kewangan.

dan Sederhana (PKS) dalam negara.

Program berkenaan direka untuk menggalakkan peserta mengembangkan idea perniagaan mereka kepada realiti, serta untuk mendapatkan pemahaman tentang ekosistem keusahawanan tempatan dan operasi perniagaan seperti pemasaran, pengurusan, dan kawalan kewangan.

"Keusahawanan belia memainkan peranan penting untuk pertumbuhan ekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, ramai graduan muda masih tidak melihat menubuhkan perniagaan baharu sebagai pilihan kerjaya pertama selepas tamat pengajian.

"Justeru itu untuk membantu menangani perkara ini, UTB melalui Enterprise Office dan Shell LiveWIRE Brunei komited untuk memupuk minda keusahawanan dalam kalangan belia melalui bengkel seperti BSOM," kata Dr. Sharina.

"Bengkel bersama ini adalah langkah pertama dalam memangkin minda keusahawanan dan kreatif dalam kalangan pelajar. Untuk mewujudkan syarikat yang lebih inovatif pada masa hadapan, perubahan dalam minda mesti berlaku," tambah beliau lagi.

Bengkel berkenaan merangkumi enam bidang utama, iaitu keusahawanan; kewangan; komersial; inovasi; peluang keusahawanan; serta penjenamaan dan pemasaran.



Bidang utama diliputi oleh 15 orang penceramah daripada pakar industri termasuk Jabatan Perdana Menteri (PMO), Pejabat Harta Intelek Brunei (BRUIPO), Darussalam Enterprise (DARe), Progresif, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Bank Baiduri, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Brunei Innovation Lab (BIL), Media 3G, Media & Komunikasi Oddbox, AiCreativv, Ctrl Co. termasuk Kaunselor Perniagaan Shell LiveWIRE.

Untuk maklumat lanjut tentang Bengkel Shell LiveWIRE

Brunei layari livewirebrunei.com atau e-mel ke enquire@livewirebrunei.com.

Shell LiveWIRE Brunei adalah syarikat pelaburan sosial utama Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. yang bertujuan untuk membangun dan menjadi mentor usahawan semasa dan akan datang.

Ini hanyalah satu daripada banyak komitmen BSP ke arah memupuk dan membangunkan kecekapan, keupayaan dan daya saing perniagaan tempatan untuk kemampanan jangka panjang ekonomi sektor swasta Negara Brunei Darussalam.

Apa yang perlu saya hadapkan di dalam gambar ujian ART untuk dimuat naik dalam aplikasi Bruhealth?

کنترن کسوسن
KENTEREN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH



Ujian ART

Sila catit ujian ini adalah bagi hari ke berapa (contoh Hari-1 atau Hari-5)



Bukti menunjukkan tarikh pada hari berkenaan



AMBIL LANGKAH SETERUSNYA

BUSINESS | RETAILERS | INFORMATION TECHNOLOGY |
ENTERPRISE & ENTREPRENEURSHIP | CREATIVE MEDIA

DAFTAR SEKARANG

Dengan serendah 2 'O' Level Passes



+673 8721244 +673 2651244/5/6 Jaya Setia Square, Brunei Darussalam [f cosmopolitancollegebrunei](https://www.facebook.com/cosmopolitancollegebrunei)

PPDB SERBU KEGIATAN TIDAK BERMORAL

Siaran Akbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Unit Siasatan Penumpasan Perjudian dan Pencegahan Maksiat, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menjalankan dua serbuan secara berasingan dan seterusnya membuat penahanan ke atas dua wanita (suspek) yang dipercayai melibatkan diri dengan kegiatan tidak bermoral.

Serbuan pada 19 September 2022 itu dijalankan pada sekitar waktu awal malam di mana serbuan pertama menyasarkan ke salah sebuah bilik penginapan di kawasan Batu Satu, Bandar Seri Begawan dan berjaya menahan seorang wanita warganegara asing berumur 31 tahun.

Manakala serbuan kedua dijalankan ke sebuah bilik penginapan di kawasan Jalan Batu Bersurat, Kampung Pengkalan Gadong dan turut menahan seorang wanita warganegara asing berumur 32 tahun.

Pemeriksaan dijalankan di tempat kejadian turut menemukan bahan-bahan bukti seperti beberapa telefon bimbit, sejumlah wang tunai, minyak pelincir serta beberapa kepingan kondom di lokasi kejadian dipercayai untuk tujuan aktiviti tidak bermoral.

Kedua-dua suspek kemudiannya dibawa ke Jabatan Siasatan Jenayah bagi dijalankan siasatan lanjut. Kes ini disiasat di bawah Seksyen 294A Kesalahan Menawarkan Khidmat Seks, Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22.

Pihak polis ingin menyarankan kepada orang ramai agar sentiasa bekerjasama dan memberikan apa jua jenis maklumat dengan mengongsikan ke Talian Kecemasan 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan serta boleh disalurkan melalui e-mel Laman Sesawang PPDB www.police.gov.bn ataupun Instagram @upa.ppdb.



PEMERIKSAAN dijalankan di tempat kejadian turut menemukan bahan-bahan bukti seperti beberapa telefon bimbit, sejumlah wang tunai, minyak pelincir serta beberapa kepingan kondom di lokasi kejadian dipercayai untuk tujuan aktiviti tidak bermoral.

کمترین کمیتیت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Hentikan penularan maklumat palsu

JANGAN SEBARKAN MAKLUMAT PALSU YANG AKAN MENYEBABKAN PANIK DIKALANGAN MASYARAKAT.

MARILAH BERSATU BAGI MELINDUNGI NEGARA YANG TERCINTA DARI WABAK COVID-19 INI.

AWDA BOLEH MEMBANTU DENGAN TIDAK MENULARKAN MAKLUMAT YANG TIDAK SAHIH.



Damal bermaksud lembap atau belum cukup kering, biasanya pakaian dan sebagainya yang dijemur.

Contoh pemakaian kata : **damal** lakat pakaian yang dijamurnya atu.

Dami ani bermaksud begini atau macam ini.

Contoh pemakaian kata : **dami** ani cara mambuatnya.

Badangah bermaksud bercerita dengan bangganya.

Contoh pemakaian kata : luan **badangah** jua kadidia atu, alum tantu anaknya atu balajar di luar nargi.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



Kampung Junjongan



Foto : Azmah Haji Ahad

Kerabu Sotong

BAHAN-BAHAN :

Sotong dipotong ikut suka (direbus terlebih dahulu dan toskan)
10 biji bawang merah*
5 ulas bawang putih*
Belacan
10 biji lada padi*
5 biji lada merah (dihiris halus)*
20 biji limau kasturi (diambil airnya)

1 biji bawang besar (dihiris halus)*

1 biji bunga kantan (dihiris halus)

1 biji mangga muda (dihiris halus)

Garam

Ajinomoto

CARA MEMASAK :

Masukkan sotong yang telah

direbus tadi dan campurkan kesemua bahan yang bertanda * ke dalam mangkuk yang bersih. Gaul sebatu kemudian masukkan air limau kasturi dan taburkan bunga kantan dan mangga yang dihiris halus sebagai hiasan kemudian digaul sehingga sebatu. Masukkan garam dan ajinomoto. Siap dan hidangkan.

2 PREMIS DIKOMPAUN MENJUAL MELEBIHI HARGA MAKSIMUM



ANTARA premis perniagaan yang melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 (atas dan bawah).



Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengeluarkan dua kompaun dan enam notis amaran kepada lapan buah premis perniagaan atas

kesalahan melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142.

Penguatkuasaan rutin harian yang dijalankan oleh JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna telah mendapati dua buah premis perniagaan melakukan kesalahan menjual melebihi harga maksimum

yang ditetapkan bagi barang yang dikawal harga di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan tindakan kompaun telah dikeluarkan kepada Syarikat Fairozdin Mini Mart dengan jumlah kompaun sebanyak BND700 dan Hama Department Store dengan jumlah kompaun sebanyak BND500.

Sementara itu, bagi dua minggu pertama dalam bulan September 2022 telah merekodkan sebanyak enam notis amaran dikeluarkan kepada enam buah premis perniagaan atas kesalahan menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan dan memaparkan tanda harga yang mengelirukan, iaitu paparan tanda harga tidak selaras dengan harga yang tercatat di dalam sistem pembayaran, termasuk sebuah farmasi.

Sehubungan itu, para peniaga sentiasa diingatkan untuk mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-peraturan di bawahnya dan mengamalkan perniagaan yang wajar dan beretika.

Ini adalah penting kerana amalan perniagaan yang wajar dan beretika adalah merupakan antara elemen yang menyumbang kepada penggunaan domestik yang berdaya tahan dan mampan dan seterusnya meningkatkan aktiviti perekonomian domestik negara.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan membuat aduan rasmi mengenai amalan perniagaan yang tidak wajar, para pengguna disarankan untuk menggunakan aplikasi mudah alih 'PenggunaBijak' yang boleh dimuat turun melalui platform App Store dan Google Play.

Aduan perlu disertakan dengan dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar sebagai bukti.

JPES juga boleh dihubungi melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel kepada aduanpengguna@jpes.gov.bn.



Suntikan AKSIN COVID-19 diberikan secara PERCUMA kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam



www.moh.gov.bn | 148

ALAI PINTAR

SOALAN 086

SOALAN 21 SEPTEMBER 2022, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

1. Rukun-rukun wudhu ada berapa perkara?
 a) 6 perkara
 b) 5 perkara
 c) 4 perkara
2. Berapa bilangan syiling 50 sen yang ada dalam BND10?
 a) 2
 b) 200
 c) 20
3. Apa yang dimaksudkan dengan perumpamaan ini 'Bagai tikus membaki labu'?
 a) Sangat karib
 b) Hendak membetulkan barang yang tidak diketahui, akhirnya semakin rosak
 c) Tolong-menolong antara satu dengan yang lain

TARIKH TUTUP : 30 SEPTEMBER 2022

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK SEORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER SAMIMA SDN BHD BERNILAI BND40.00

PEMENANG ALAI PINTAR 085 :

Nama : Nur Arissa Az-zahra Binti Mohd. Azami
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0108596-01. Sekolah : Sekolah Mahad Islam Brunei, Tutong

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambarkan jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 8300836 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
 Tarikh Lahir :
 No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
 Sekolah :
 Tahun :
 Alamat :
 Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 085

1. B – Aminah binti Wahab
2. B – Angkasawan
3. A – Hidup seorang diri

Warisan



'Angai' burung tentukan pembuatan Rumah Puak Murut

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Ihsan Awang Ah Chua Bangau

"UNTUK membuat rumah bukanlah suatu perkara yang dipandang ringan, yang sesusaati hati hendak dibuat di mana dan bila sahaja. Bagi kami apabila hendak membuat rumah itu kami perlu melihat pada 'angai' atau petanda terutama sekali pada 'angai' burung".

Begitulah kuatnya adat istiadat yang diwarisi sejak dari dahulu lagi dari sekecil-kecil perkara hingga besar perkara seperti membina perumahan baharu. Seni bina Rumah Panjang Puak Murut ini berpegang teguh dengan adat istiadat Puak Murut yang tidak dipengaruhi oleh mana-masyarakat luar.

Demikian penjelasan Awang Padan bin Lasong, selaku Ketua Kebudayaan Persatuan Murut ketika ditemui baru-baru ini. Menurut Awang Padan lagi, bagi Puak Murut mereka ada pantang sebelum membuat rumah. Sebelum membuat rumah ada pantang yang perlu diikuti agar rumah yang akan mereka tempati itu nanti akan membawa kebaikan dan kesejahteraan untuk mereka.

Keunikan struktur binaan Rumah Panjang sebenarnya menjadi identiti bahawa Puak Murut mampu hidup secara harmoni meskipun berteduh di bawah satu bumbung. Biarpun mereka tinggal sebumbung tetapi mereka ini terdiri daripada satu keluarga yang besar dari datuk nenek hingga berkembang kepada cucu-cicit.

Biasanya Puak Murut membuat Rumah Panjang yang mana dalam satu buah Rumah Panjang itu ada tiga atau lima buah rumah dijadikan seperti Rumah Panjang yang mempunyai bilik untuk keluarga masing-masing.

Menentukan tempat untuk mendirikan rumah

Apabila hendak membuka penempatan dan mendirikan rumah, kawasan tanah yang hendak didirikan rumah tersebut hendaklah

diperiksa terlebih dahulu. Puak Murut juga percaya pada petanda-petanda lain seperti bunyi burung (angai burung). Bunyi yang dikeluarkan oleh binatang-binatang ini adalah petunjuk dan alamat untuk menentukan kesesuaian tapak. Semua petanda akan ditafsirkan ketua yang dilantik bagi mematuhi adat supaya tidak mendatangkan malapetaka. Orang Murut percaya kepada binatang-binatang disebabkan dulu belum ada agama.

Menurut Awang Padan lagi, sebelum memulakan untuk membuat penempatan baharu oleh seorang ketua rumah tersebut, mereka beramai-ramai akan melihat tempat yang hendak didirikan bagi membuat rumah baharu tersebut. Satu perjumpaan akan diadakan untuk membincangkan mengenai tempat yang sudah dipilih. Ketika meninjau tempat tersebut, mereka mesti melihat waktu dan juga cuaca.

Mencari bahan-bahan rumah

Untuk mencari bahan-bahan bagi mendirikan rumah, biasanya mereka akan melihat jalan hutan dahulu. Walau bagaimanapun mereka belum terus mengambil kayu apa yang hendak diambil. Mereka hanya melihat dulu kayu-kayu yang hendak diambil tetapi belum membawa balik kayu-kayu tersebut. Seperti mencari tapak yang sesuai untuk mendirikan rumah, begitu juga halnya apabila mencari bahan-bahan untuk mendirikan rumah tersebut. Puak Murut akan melihat burung terbang atau binatang tetapi biasanya burung. Mereka akan melihat dari mana burung tersebut terbang. Jika dari kanan ke kiri itu dikira tanda bagus (angai baik) dan begitu juga sebaliknya jika terbang dari kiri ke kanan dianggap tidak baik.

Selepas dua ke tiga hari baru diambil kayu-kayu tersebut tetapi perlu juga melihat dulu sebelum membawa balik kayu-kayu tersebut. Kalau melihat burung terbang dari kiri maka mereka tidak jadi untuk mengambil kayu tersebut dan menunggu 'angai' baik sebelum meneruskan membawa balik

kayu-kayu yang telah dipilih.

Rumah Panjang dibuat daripada sumber hutan asli. Kayu-kayu hutan, daun kayu, buluh, akar rotan antara bahan-bahan alami yang ditemui di hutan dijadikan sebagai pelengkap pembuatan rumah.

Untuk membuat atap rumah, mereka akan mengambil daun-daun kayu dan juga rumbia. Kadang-kadang ada juga atap yang dibuat daripada kayu-kayu kecil mengikut apa yang senang dan mudah diperoleh ketika itu. Manakala bumbungnya pula menggunakan daun rumbia dan jenis daun tebal.

Struktur dinding dan lantainya pula diperbuat daripada kulit kayu atau buluh. Biasanya mereka menggunakan kayu timbaran untuk membuat dinding. Ada juga dinding yang diperbuat daripada buluh yang dipenggal-penggal. Buluh yang telah dipenggal-penggal itu diikat dengan rotan kerana zaman dahulu tidak ada paku.

Bagi mendirikan tiang-tiang rumah pula, Puak Murut akan menggunakan tiang daripada kayu limppa atau mana-mana kayu yang disukai. Semua bahan ini diperolehi daripada sumber hutan. Untuk membina tangga pula, biasanya mereka akan membuat tangga daripada kayu yang tahan.

Adat masuk ke rumah baharu

Setelah rumah siap ada perjanjian juga kalau hendak masuk ke rumah tersebut, iaitu melihat pada burung juga (angai burung) yang terbang dari sebelah kanan ke kiri. Setelah melihat 'angai' baik, barulah mereka dapat menempati rumah baharu tersebut. Ada juga yang mengadakan kenduri semasa masuk ke rumah baharu tersebut.

Juga diadakan tarian 'alai mak ruma' (naik / masuk ke rumah) yang ditarikan oleh anak-anak muda sambil bernyanyi dari hujung rumah ke hujung rumah kira-kira dalam satu ke dua pusingan sahaja tetapi biasanya satu pusingan sahaja. Ini kerana Rumah Panjang biasanya mempunyai lima atau tujuh pintu, memang

lambat selesai jika menari 'alai mak ruma' jika banyak pusingan dibuat. Tarian ini bermakna pembuatan rumah dan naik ke rumah tersebut sudah selesai dan selamat untuk ditempati. Tarian ini biasanya dilakukan apabila berlangsungnya majlis pindah rumah baharu dalam kalangan Puak Murut yang dijalankan pada waktu malam yang bertujuan untuk mengucapkan tanda selamat dan memohon perlindungan supaya penghuni rumah akan terlepas daripada gangguan atau perkara-perkara yang tidak baik. Tarian 'alai mak ruma' ini diiringi dengan alat-alat muzik tradisi seperti gulingtangan.

Dalam majlis tersebut, biasanya makanan yang dihidangkan ialah nasi bungkus, daging dan juga sayuran. Juga disertai dengan baca-bacaan untuk doa selamat Puak Murut. Untuk masuk rumah baharu ada ketua yang akan memulai. Biasanya Rumah Panjang dalam 10 pintu ada ketuanya itu. Mereka mesti memilih ketuanya yang sesuai, orang baik, tahu akan adat istiadat untuk masuk ke rumah tersebut.

Menurut Awang Padan lagi, biasanya ada baca-bacaan untuk masuk ke rumah baharu ini. "Kami sudah pindah masuk Rumah Panjang, kami tinggal dengan baik dan kami tidur di rumah ini, kami hidup di rumah ini dari awal hingga akhir zaman". Ini bermaksud mereka tinggal di Rumah Panjang tersebut hingga akhir hayat.

Puak Murut juga percaya mereka mesti mengikut pantang larang dan adat istiadat jika hendak masuk ke sesebuah Rumah Panjang tersebut kerana dikhuatiri akan terjadi sesuatu. Misalnya ketika hendak naik rumah hendaklah dilihat dahulu keadaan di rumah tersebut kerana ditakuti ada orang yang sakit atau meninggal dunia.

Sememangnya setiap puak yang ada di negara ini mempunyai persamaan atau hampir-hampir sama warisan adat dari keturunan dahulu. Walaupun tidak mempraktikkan lagi tetapi generasi muda perlu menghargai adat warisan tersebut agar tidak hilang ditelan waktu.





Jadikan stesen minyak tempat selamat

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Jabatan Penerangan

ORANG ramai khususnya pelanggan stesen minyak perlu mengetahui mengenai pentingnya mengikuti prosedur yang betul untuk memastikan keselamatan setiap pengguna. Oleh itu, inisiatif yang dilakukan oleh Brunei Shell Marketing (BSM) dengan mengadakan Kempen 'Fill Safe Feel Safe' atau 'Isi Selamat, Rasa Selamat' ini sememangnya satu langkah yang amat penting demi keselamatan kita, keluarga dan orang sekeliling agar lebih terjamin ketika berada di stesen minyak.

Di Negara Brunei Darussalam terdapat 36 buah stesen minyak yang beroperasi dan seramai 400 orang pekerja di stesen-stesen minyak. Tidak dinafikan mereka ini menjalankan tugas mereka dengan dedikasi meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran dan karenanya orang ramai.

Pelancaran kempen

Dilancarkan pada 24 Ogos yang lalu, kempen seumpama ini merupakan kali keempat diungkapayakan dengan setiap kempen mempunyai fokus atau tema yang berlainan. Pada tahun ini adalah yang paling komprehensif sekali berbanding dengan kempen-kempen sebelumnya memandangkan kempen kali ini melibatkan kerjasama dan kolaborasi di antara BSM dengan beberapa buah agensi-agensi kerajaan dan pihak autoriti seperti Autoriti Petroleum Negara Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jabatan Pengangkutan Darat, Pasukan Polis Diraja Brunei, Autoriti

Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA), di samping penglibatan sepenuhnya semua stesen-stesen minyak di negara ini.

Bersama kekalkan keselamatan

Kempen ini merupakan usaha untuk membantu BSM dalam memahami cabaran-cabaran ke arah pematuhan keselamatan dan tindakan lanjut oleh BSM terhadap reaksi orang ramai untuk terus sama-sama mengekalkan keselamatan bersama. Langkah-langkah keselamatan di stesen minyak harus diambil berat oleh semua pengguna memandangkan bahan minyak adalah bahan yang mudah terbakar. Walaupun kejadian menyalaan api atau rokok di stesen minyak tidak berlaku namun begitu masih terdapat kejadian mengisi minyak dengan enjin kenderaan masih hidup dan penggunaan telefon bimbit di stesen-stesen minyak sering berlaku.

Praktikkan amalan selamat

Perangai degil sekumpulan orang yang tidak mengendahkan peraturan di stesen minyak berisiko untuk mencetuskan kebakaran yang boleh memudaratkan diri serta orang lain yang berada di kawasan sekitar. Selaku pelanggan di stesen minyak, kita hendaklah sentiasa mempraktikkan amalan selamat semasa mengisi bahan bakar termasuk memastikan enjin kereta dimatikan, tidak menggunakan peranti mudah alih atau peranti elektronik serta menggunakan bekas bahan bakar yang sesuai apabila membeli bahan bakar, di samping mengambil langkah berjaga-jaga untuk mencegah kejadian yang tidak diingini daripada berlaku. Oleh kerana itu

jugak kerjasama orang ramai amat diperlukan untuk mematuhi peraturan keselamatan ini ke arah memastikan semua orang selamat pulang ke destinasi masing-masing. Dengan mematuhi dan mengikuti tip-tip semasa berada di stesen minyak ianya dengan secara langsung turut menjamin dan menjaga keselamatan kita semua.

Antara langkah-langkah penting yang patut dipatuhi semasa berada di stesen minyak ialah :

1. Matikan Enjin Kenderaan

Paling penting, perkara pertama yang kita perlu lakukan sebelum keluar daripada kenderaan adalah mematikan enjin terlebih dahulu. Tahuakah awda setiap kenderaan yang menggunakan bateri mempunyai risiko yang tinggi untuk menghasilkan percikan api? Sekiranya enjin kenderaan tidak ditutup semasa mengisi minyak, itu mananya mengundang bahaya.

2. Dilarang Merokok!

Selain itu, punca utama lain yang mengundang kebakaran di stesen minyak adalah melalui perbuatan merokok sesetengah manusia tidak bertanggungjawab. Sebarang nyalaan mancis atau pemetik api berhampiran stesen minyak berisiko untuk mencetuskan kebakaran.

3. Dilarang Menggunakan Telefon

Rata-rata di stesen minyak turut meletakkan poster larangan penggunaan telefon bimbit semasa mengisi minyak. Tapi masih ada juga mereka yang berdegil. Walaupun, kebanyakan telefon pintar masa kini dibina dengan bateri secara kekal dalam telefon pintar namun ia tetap bahaya jika kita menggunakanannya semasa berada di stesen minyak. Salah satu sebab lain kenapa orang masih tidak mengendahkan larangan ini adalah kerana

tiada jawapan jelas mengenai kebakaran yang berpunca daripada bateri telefon. Jadi, larangan penggunaan telefon bimbit ini dilihat sebagai salah satu cara untuk membolehkan pengguna untuk tidak cuai dan memberi fokus sepenuhnya semasa mengisi minyak.

Selain langkah-langkah keselamatan seperti yang dinyatakan di atas, kempen pada tahun ini memfokuskan mengenai isu pembayaran. Pelanggan adalah dinasihatkan agar membuat pembayaran selepas pengisian minyak dan pembayaran tidak boleh dibuat sebelum minyak diisi ke kereta pelanggan bagi mengelakkan nozzle terlepas disebabkan kecuaian pelanggan. Sekiranya pelanggan stesen minyak membuat pembayaran sebelum minyak diisi, perkara tersebut berkemungkinan akan menyebabkan pelanggan menjalankan kereta mereka terlebih dahulu sebelum nozzle dicabut yang sekali gus mendatangkan bahaya di stesen minyak berkenaan. Perkara sedemikian tidak dinafikan pernah berlaku di stesen-stesen minyak di negara ini sebelumnya.

Tingkatkan kesedaran

Dengan adanya Kempen 'Fill Safe Feel Safe' ini, Juara Servis iaitu petugas-petugas di stesen minyak khasnya dan pihak stesen amnya akan lebih peka dalam mengutamakan kepatuhan kepada garis pandu dan peraturan keselamatan di stesen minyak untuk mencapai 'Goal Zero' atau bebas insiden. Melalui kempen ini adalah diharapkan agar orang ramai akan dapat meningkatkan kesedaran mereka mengenai keselamatan ketika mengunjungi stesen minyak di negara ini.





AS LAPOR HAMPIR 24,000 KES CACAR MONYET

LOS ANGELES, 20 Sept. - Hampir 24,000 kes cacar monyet disahkan di Amerika Syarikat (AS) setakat Isnin, menurut data terkini Pusat Kawalan dan Pencegahan

Penyakit (CDC) AS.

Menurut data CDC, California mencatat paling banyak kes yang disahkan setakat ini, dengan 4,656 kes, diikuti New York sebanyak

3,755, dan Florida dengan 2,398, lapor Xinhua.

Jangkitan cacar monyet jarang membawa maut, dengan kebanyakan kes sembah dalam tempoh dua hingga empat minggu. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, penyakit itu mempunyai kadar kematian sekitar tiga hingga enam peratus.

Individu yang mempunyai sistem

imun badan yang lemah bagaimanapun berkemungkinan akan lebih teruk apabila dijangkiti penyakit itu, menurut CDC.

Pegawai kesihatan AS juga memberi amaran kepada doktor supaya tidak menggunakan terlalu banyak satu-satunya ubat yang ada untuk merawat cacar monyet.

Menurut CDC, virus sentiasa berevolusi untuk menjangkiti manusia dan ubat serta vaksin baharu tidak lagi sesuai untuk merawatnya.

Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan AS memberi amaran bahawa ubat antivirus, Tecovirimat, mudah terjejas kepada rintangan. Mutasi yang kecil sahaja dalam virus, boleh menyebabkan ubat itu tidak lagi berkesan. - ©BERNAMA

China seru laksanakan inisiatif keselamatan global

BEIJING, 20 Sept. - China menyeru semua pihak melaksanakan Inisiatif Keselamatan Global dan mengamalkan multilateralisme yang sebenar.

Seruan itu disuarakan wakil China semasa Sesi ke-51 Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNHRC) di Geneva pada Isnin.

Menurut wakil China itu, multilateralisme ialah teras bagi sistem antarabangsa dan orde antarabangsa pada masa ini, dan kaedah berkesan untuk memelihara kedamaian serta mendorong pembangunan.

"Masyarakat antarabangsa perlu memelihara dan mengamalkan multilateralisme yang sebenar, bersama-sama menentang hegemonisme, politik kumpulan, sekatan sepahak dan bidang kuasa yang mencampuri urusan negara lain."

"Beberapa negara Barat mencetuskan khabar angin yang seakan cuba menyasarkan negara lain untuk tujuan politik, mencampur tangan dalam urusan dalaman negara lain dengan alasan hak asasi manusia dan mengenakan sekatan sepahak secara sesuka hati," kata wakil itu.

Menurut wakil itu tindakan berkenaan bercanggah dengan tujuan dan prinsip Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, menjelaskan multilateralisme serta peraturan antarabangsa dan masyarakat antarabangsa perlu bersama-sama memboikot tindakan itu selain menentang trend mempolitikkan isu hak asasi manusia.

"Inisiatif Keselamatan Global anjuran China telah menyediakan kaedah dan jalan untuk menyelesaikan masalah kedamaian dan memecahkan dilema keselamatan global. Ini merupakan produk awam keselamatan yang disediakan China kepada dunia."

"Pelbagai negara perlu mengadakan dialog bukannya konfrontasi, bermuafakat bukan merungut, bersatu bukan berseteru dan bersama mewujudkan situasi sama menang," kata wakil itu.

China sentiasa bersedia bersama-sama dengan mana-mana negara mempertahankan nilai kedamaian, pembangunan, keadilan, kesamarataan, demokrasi dan kebebasan, mengamalkan multilateralisme yang sebenar, melaksanakan Inisiatif Keselamatan Global dan mendorong pembinaan komuniti berkongsi nasib sesama insan. - ©BERNAMA

Kyrgyzstan isytihar 19 Sept hari perkabungan negara susulan konflik di sempadan

ANKARA, 19 Sept. - Presiden Kyrgyzstan Sadyr Japarov pada Ahad menandatangi dekri untuk mengisyiharkan 19 Sept sebagai hari perkabungan negara, lapor Anadolu memetik agensi berita Kabar.

Pengisytiharan itu susulan konflik bersenjata yang tercetus di sempadan Kyrgyzstan-Tajikistan pada 14 hingga 17 Sept yang mengorbankan nyawa rakyat Kyrgyzstan.

Kementerian Luar Kyrgyzstan dalam satu kenyataan menyifatkan pertempuran di kawasan sempadan itu sebagai "pencerobohan bersenjata terancang" oleh pihak Tajikistan.

Berikutnya pertempuran itu, kedua-dua pihak dilaporkan saling menuding jari.

Pada Ahad Kementerian Kesihatan Kyrgyzstan mengumumkan jumlah korban akibat pertempuran kini mencecah 46 orang manakala 129 yang lain cedera.

Antara yang terbunuh, 34 orang membabitkan rakyat Kyrgyzstan, manakala 12 lagi warga Tajikistan. - ©BERNAMA

Biden beri penghormatan terakhir kepada Ratu Elizabeth di Westminster Hall

LONDON, 19 Sept. - Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden dan isteri Jill Biden pada Ahad memberi penghormatan terakhir kepada Ratu Elizabeth II di Westminster Hall, London, lapor Agensi Anadolu.

Biden berada di London untuk menghadiri istiadat pemakaman negara Ratu Elizabeth II dan akan berlepas pulang ke New York sejurus selepas itu untuk menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA).

Istiadat pemakaman negara Ratu Elizabeth II yang mangkat pada usia 96 tahun di Istana Balmoral di Scotland selepas 70 tahun menduduki takhta itu dijadual diadakan pada Isnin (19 Sept). - ©BERNAMA

Eksspo China-Eurasia ketujuh berlangsung di Urumqi

URUMQI, 19 Sept. - Eksspo China-Eurasia edisi ketujuh berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Xinjiang di sini, secara hibrid bermula hari ini hingga Khamis.

Kira-kira 17,000 syarikat pempamer dari 32 negara dan wilayah menyertai eksspo itu secara dalam talian.

Pameran luar talian pula meliputi kawasan seluas 40,000 meter

persegi, menyaksikan tiga zon dikhususkan untuk kerjasama pelaburan dan perdagangan komoditi antarabangsa.

Sementara itu, zon pameran perdagangan komoditi menyediakan 2,101 reruau kepada pempamer membabitkan peralatan digital dan berteknologi canggih, pencegahan wabak awam dan perubatan, serta industri budaya, pelancongan dan

sukan.

Selain itu, industri tenaga, bahan binaan hijau, hasil pertanian dan barang makanan, tekstil dan pakaian, jentera dan kendaraan turut menjadi tumpuan.

Eksspo kali ini bertemakan 'Muafakat, Membangun Bersama, Berkongsi, Bekerjasama Demi Masa Depan'. - ©BERNAMA

Seoul sasar tingkat pengeluaran kenderaan autonomi menjelang 2035

SEOUL, 19 Sept - Korea Selatan menyasarkan untuk mengkomersialkan kenderaan autonomi Tahap Empat pada 2027, lapor agensi berita Yonhap.

Justeru itu, Korea Selatan menyasarkan menjelang 2035 separuh daripada kenderaan baharu terdiri kenderaan Tahap Empat.

Menurut kenyataan Kementerian Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan pada tahun ini Korea Selatan menyasarkan menjadi negara ketiga di dunia yang mengkomersialkan kenderaan autonomi Tahap Tiga selepas Amerika Syarikat dan Jepun,

"Untuk mencapai matlamat itu, kerajaan akan merombak sistem pengangkutan sedia ada, dan menetapkan dasar keselamatan

dan program insurans untuk turut menyediakan perkhidmatan bas autonomi Tahap Empat (menjelang 2027)," menurut kenyataan itu.

Hyundai Mobis Co., sekutu utama Hyundai Motor Group, memperkenalkan teknologi pandu sendiri Tahap Empat dalam konsep M.VISION di Pameran Elektronik Pengguna (CES) pada Januari 2020.

Pada Tahap Empat, kenderaan mempunyai teknologi pandu sendiri yang terhad manakala Tahap Lima, ciri pemanduan automatik boleh berfungsi dalam semua keadaan.

Untuk menyokong rancangan itu, kerajaan akan merombak sistem telekomunikasi masa nyata meliputi 110,000 kilometer (km)

jalan raya menjelang 2030.

Korea Selatan juga berhasrat untuk mengkomersialkan perkhidmatan urban air mobility (UAM) di kawasan metropolitan pada 2025.

Tiga syarikat -- SK Telecom Co., KT Corp. dan LG Uplus Corp. -- memaklumkan akan menyertai program untuk menguji keselamatan kenderaan UAM dan keupayaan pengurusan trafik bagi perkhidmatan komersial.

UAM ialah projek mega untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan pencemaran udara.

Morgan Stanley meramalkan pasaran UAM global akan berkembang sehingga US\$1.47 trilion menjelang 2040, melonjak daripada US\$7 bilion pada 2020.- ©BERNAMA

Lebih ramai rakyat New Zealand jadi mangsa penipuan

WELLINGTON, 19 Sept. - Lebih ramai rakyat New Zealand menjadi mangsa penipuan berbanding sebelum ini, menurut kajian baru Bank of New Zealand (BNZ) yang dikeluarkan pada Isnin, lapor agensi berita Xinhua.

Tahun lepas, empat daripada lima orang telah menjadi sasaran penipuan dan lebih satu per empat daripadanya terpedaya, meningkat tujuh peratus daripada tahun sebelumnya.

Perniagaan turut menjadi sasaran dengan 47 peratus daripada mereka menjadi mangsa pada tahun lepas, meningkat 21 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Kajian itu dibuat semasa bank melancarkan Minggu Kesedaran Penipuan tahunannya untuk meningkatkan kesedaran, membantu orang ramai mengenal pasti penipuan dan kekal lebih selamat dalam talian.

Ketua Jenayah Kewangan BNZ Ashley Kai Fong berkata penipuan semakin meningkat dari tahun ke tahun dan meninggalkan kesan kemusnahan terhadap warga New Zealand.

Beliau berkata penipuan bukan sahaja merosakkan kewangan, tetapi turut menyakitkan, memalukan, dan membebangkan mangsa dan ia turut menghakis kepercayaan serta keyakinan terhadap jenama, perniagaan dan organisasi.

"Pertahanan terbaik terhadap penipuan ialah anda. Jika anda tahu perkara yang perlu diperhatikan dan dapat mengenali tanda-tanda penipuan, ia mengurangkan kemungkinan untuk anda menjadi mangsa."

"Dengan penganjuran Minggu Kesedaran Penipuan ini, kami menggesa orang ramai untuk mengambil tahu dan mendapatkan maklumat terkini supaya mereka boleh dilindungi dengan lebih baik," kata Fong.

Fong juga meminta orang ramai membuat laporan jika pernah menjadi sasaran atau mangsa penipuan. - ©BERNAMA

ATLET KARATE, WUSHU SELAMAT PULANG KE TANAH AIR



AWANG Muhammad Nazirul bin Haji Johar.

SETIAUSAHA Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang kembali ke NBD selepas berada di Kuala Lumpur, Malaysia bagi Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 September. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada pasukan Karate dan Wushu telah kembali ke NBD selepas berada di Kuala Lumpur, Malaysia bagi Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah, Setiausaha Tetap (Kesukanan), Kementerian Kebudayaan, Belia

dan Sukan (KKBS), Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud.

Hadir sama, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohamad Rosfazilah bin Haji Yusly serta para pegawai Jabatan Belia dan Sukan, KKBS.

Atlet sukan Karate negara telah berjaya membawa pulang dua pingat, iaitu satu pingat perak bagi acara Kata Individu Wanita melalui Dayang Farhah Syahirah binti Mohamad Shamrin dengan mengutip 24.94 mata; dan satu pingat gangsa bagi acara Kata

Lelaki Berpasukan yang terdiri daripada Awang Khairul Shafiq bin Khairul Arifin, Awang Muhammad Nazirul bin Haji Johar dan Awangku Ahmad Munib Aiman bin Pengiran Hasimudin selepas menewaskan Johor dengan kutipan 24.22 mata.

Semasa temu bual bersama Pelita Brunei, Dayang Farhah Syahirah menyentuh mengenai erti kemenangan buat beliau, iaitu terus berlatih dan melakukan

DAYANG Farhah Syahirah binti Mohamad Shamrin.

yang terbaik hingga membuatkan sesuatu yang berhasil.

"Fokus seterusnya adalah untuk terus berlatih dan memperbaiki kekurangan untuk ke peringkat sukan yang seterusnya seperti Sukan SEA pada masa akan datang sekali gus dengan harapan meraih pingat emas suatu hari nanti, InsyaaAllah," ujar

pemenang pingat perak itu.

Sementara itu, Awang Muhammad Nazirul menyatakan mereka telah berlatih lebih kurang empat bulan untuk SUKMA XX MSN 2022 berkenaan dan alhamdulillah, berjaya meraih pingat gangsa.

Walau bagaimanapun jelasnya, mereka sudah cuba untuk melakukan yang terbaik semasa perlawanan berkenaan.

"Antara pesaing yang paling mencabar ialah negeri Pulau Pinang kerana kedudukan mereka tidak jauh daripada kami dan persempahan mereka pun boleh dikatakan hebat.

InsyaaAllah, pada masa hadapan kami akan terus berlatih dengan lebih gigih lagi bagi menyertai perlawanan-perlawanan yang akan datang," tambahnya mewakili pasukannya.

Angkasa FT (Purih Saba) lancar jersi baharu

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ihsan Pasukan Bola Sepak Angkasa FT (Purih Saba)

MENTIRI, Isnin, 19 September. - Lebih 40 pemain termasuk Ahli Jawatankuasa Angkasa FT (Purih Saba) menerima jersi baharu bagi Pasukan Bola Sepak Angkasa FT (Purih Saba), kelmarin.

Hadir menyampaikan jersi tersebut, Penaung Angkasa FT (Purih Saba), Awang Haji Saimon bin Haji Sulaiman.

Terdahulu, majlis perasmian

nama serta logo Angkasa FT (Purih Saba) disempurnakan oleh Penaung Angkasa FT (Purih Saba) bertempat di Kampung Perpindahan Mentiri.

Diikuti dengan penerangan makna logo Angkasa FT (Purih Saba) yang disampaikan oleh Timbalan Pengurus Angkasa FT (Purih Saba), Awang Haji Mohd. Aslenan bin Haji Metusin.

Pasukan Bola Sepak 'Angkatan Kampung Saba / Purih Saba' adalah sebagai cabang badan induk dan kesinambungan kewujudan 'PERKASA', pada 20 Oktober 1964 yang lalu.

Dengan slogan 'Bersatu Berbakti, Membina Kecemerlangan', Angkasa FT (Purih Saba) mula bergiat aktif sejak tahun 2022 dengan semangat kesedaran berpasukan khusus dalam memartabatkan sukan bola sepak yang merupakan sukan sangat popular / diminati di seluruh dunia.

Keaktifan Angkasa FT (Purih Saba) adalah atas kesepakatan

dan sokongan padu daripada pihak pengurusan dan ahli jawatankuasa serta para pemain juga para penyokong tegar yang mempunyai kecenderungan yang mendalam dalam bidang sukan bola sepak.

Seiring dengan matlamat Angkasa FT (Purih Saba), untuk mencapai kejayaan cemerlang sepertimana kejayaan yang pernah dikecapai 'PERKASA' suatu masa dahulu dalam era 70-an dan awal 80-an.

Ia juga untuk memperkasa kecenderungan para ahlinya dalam memajukan masyarakat, bangsa dan negara dalam arena

dunia bola sepak serta pelbagai perkara yang ada kaitan dengannya, iaitu dalam bidang kejuruteraan, pengadilan, penjagaan, pengurusan dan lain-lain lagi.

Melalui sukan bola sepak tersebut, ia diharapkan akan mampu mencerminkan lambang perpaduan, kekeluargaan, silaturahim selain membina dan memperkasa belia yang sihat dengan memberikan perhatian terhadap perkembangan mental, emosi dan perasaan serta kekuatan fizikal melalui latihan intensif daripada mereka yang berpengalaman.



LEBIH 40 pemain, termasuk Ahli Jawatankuasa Angkasa FT (Purih Saba) menerima jersi baharu bagi Pasukan Bola Sepak Angkasa FT (Purih Saba).

Atlet Karate NBD teruskan lagi cabaran

Oleh : Srinarawie Bidzah

MALAYSIA, Isnin, 19 September. - Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN Ke-20 masih lagi berlangsung sehingga 24 September 2022 dan lokasi pertandingan diadakan di sekitar Lembah Klang dan Langkawi.

SUKMA pada tahun ini telah melibatkan 15 buah kontinjen dari negeri-negeri di Malaysia dan termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai negara jemputan.

Pada SUKMA kali ini, atlet Karate NBD telah mengharungi pertandingan berkenaan dan berjaya meraih pingat perak dalam Acara Kata Individu Wanita dan pingat gangsa melalui acara Kata Berpasukan Lelaki yang berlangsung di Dewan Kompleks Sukan, UiTM Shah Alam baru-baru ini.

Sementara itu, kontinjen atlet sukan Karate negara meneruskan lagi cabaran mereka bagi acara Kumite Berpasukan Lelaki yang dianggotai oleh Mohd. Sufizan bin Muhd. Sofian, Mohd. Danial bin Dahlani, Mohd. Harith bin Dahlani, Md. Adam Nawawie bin Mohd. Ishak dan Md. Farhan bin Japar Sani.

Manakala bagi Acara Kumite Berpasukan Wanita dianggotai oleh Amirah Syahidah binti Abd. Rahim, Farhah Farzana binti Mohd. Shamrin dan Dayangku Widad Aiman binti Pengiran Haji Mohd. Hasimudin.

NBD mula mengikuti SUKMA pada tahun 1996, dan kali terakhir negara menyertai SUKMA ialah pada tahun 2018 di Perak, Malaysia.



PELITA BRUNEI SUKAN

NBD RAIH PINGAT PERAK KEDUA

Oleh : Muhammad Khairulanwar
Ali Rahman
Foto : Ihsan Urus Setia Delegasi
Negara Brunei Darussalam SUKMA
XX, MSN 2022

MALAYSIA, Selasa, 20 September. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Joel Ling Thai Yu berjaya meraih pingat perak kedua buat negara bagi Acara Renang 200m Back Stroke Lelaki dalam Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022, yang berlangsung di Pusat Aquatic Nasional Bukit Jali.

Dengan catatan masa 2:12.91 saat, Joel Ling Thai Yu berjaya menewaskan kontinjen dari Melaka, Zheng Yong Low yang berada pada kedudukan ketiga dengan meraih pingat gangsa.

Pada acara tersebut, Joel Ling Thai Yu turut merekodkan masa peribadi terbaik dengan catatan masa 2:14.68 saat.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, kontinjen negara bagi Pencak Silat yang diwakili oleh Muhammad Haziq Aqwa bin Muhammad Iman Safwan akan meneruskan saingannya, hari ini, di Dewan Tuanku Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia.

Kontinjen NBD dianggotai seramai 39 orang, terdiri daripada 25 atlet dan 14 pegawai, termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urusetia, Jurulatih dan

202 - MEN 200 BACKSTROKE FINALS OFFICIAL RESULT			
MR:			NR: 2:00.80
1	SWK	PUONG WEI HII	L4 2:07.71
2	BRU	THAI YU JOEL LING	L5 2:12.91
3	MLK	ZHENG YONG LOW	L3 2:13.90
4	JHR	HAZIQ HARIS LUA ABDULLAH	L8 2:14.29
5	SGR	KAR CHUAN TEOH	L7 2:17.15
6	WPE	TZE YEAN KHIW	L2 2:20.76
7	SBH	MUHD YOUSOFF MOHD YUNUS	L1 2:23.66
8	SGR	SHIN JIAN TERENCE NG	L6 2:35.21

05:15:47 PM

KONTINJEN Negara Brunei Darussalam, Joel Ling Thai Yu berjaya meraih pingat perak kedua buat negara bagi Acara Renang 200m Back Stroke Lelaki dalam Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN 2022.



Kejohanan Golf Amal Pusat Ehsan - 30 September



SIDANG Media mengenai Kejohanan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-22 bagi Tahun 2022 yang akan diadakan selama tiga hari, bermula 30 September hingga 2 Oktober 2022.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Masri Osman

MENTIRI, Selasa, 20 September. - Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan) akan mengadakan Kejohanan Golf Amal Pusat Ehsan Ke-22 bagi Tahun 2022 selama tiga hari, bermula 30 September hingga 2 Oktober 2022.

Perkara itu, dinyatakan oleh Pengurus perlawanan, Awang Seruji bin Haji Setia, pada Sidang Media mengenai kejohanan tersebut, yang akan berlangsung di Kelab Golf Pantai Mentiri.

Menurut beliau, kejohanan tersebut dijalankan berdasarkan 'System 36 (Stroke Play)', tetapi bagi Pemain Gross, acara Special Sunday Gross akan dijalankan

secara FOC, pada 12 Top Gross Players untuk bertanding dan mendapatkan trofi cabaran.

"Kejohanan ini dibuka untuk siapa sahaja yang berminat dan pada tahun ini, kami menjangkakan penyertaan seramai 250 orang atau mungkin lebih daripada itu," jelasnya.

Beliau juga menjelaskan mengenai bayaran yuran pendaftaran sebanyak BND100, manakala perlawanan kedua berturut-turut, seterusnya adalah sebanyak BND80 sahaja.

Borang-borang pendaftaran kini boleh didapati melalui Laman Sesawang Pusat Ehsan dan di Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura.

Sementara itu, Pemegang Amanah

Kanan Pusat Ehsan selaku Jawatankuasa Penasihat Perlawan, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab juga menjelaskan mengenai hadiah-hadiah khas bagi pemenang Hole-in-Ones dan Bull's Eye.

Kejohanan juga turut menampilkan The Patron's Challenge Trophy, yang dibuka untuk wanita dan para pemain golf Senior dan Yuran Pendaftaran juga termasuk sarapan, makan tengah hari dan buggy.

Tambahnya, antara objektif kejohanan adalah untuk mengumpul dana bagi pusat tersebut, di samping memberikan peluang kepada orang ramai, terutama dari sektor swasta dan korporat untuk menaja serta menderma melalui sukan golf, sama ada

dengan mengambil bahagian dalam pertandingan atau menderma ke pusat tersebut.

Ia juga merupakan salah satu acara pengumpulan dana pusat, di mana semua hasil yang dikumpul secara langsung dapat memberikan manfaat kepada pelajar berkeperluan khas, di pusat berkenaan.

Pusat Ehsan juga, tambahnya, merupakan sebuah pertubuhan kebajikan amal bukan kerajaan dan bukan berdasarkan keuntungan, yang memperoleh dana sepenuhnya daripada sumbangan masyarakat dan oleh itu, menambah dana untuk pusat itu adalah matlamat utama kejohanan.

"Kami mengucapkan terima kasih atas semua sokongan awda, terutama daripada pihak Singapore Association, Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura di negara ini serta CityNeon Displays and Construction Sdn. Bhd., Kelab Golf Pantai Mentiri serta rakan-rakan kongsi acara kami dan Borneo Bulletin dan Media Permata selaku media cetak eksklusif kami," ujarnya.

Pengurusan kejohanan pula melibatkan Perkongsian Sektor Awam dan Swasta (Public Private Partnership - PPP) serta jawatankuasa penganjur yang dilantik dan bertanggungjawab kepada Pusat Ehsan, di samping turut mempunyai beberapa ahli sukarela dari sektor swasta serta awam.

Tema kejohanan masih dikenalkan sebagai 'Perpetual Care', yang menggariskan keprihatinan dan dedikasi berterusan bagi orang kurang upaya di bawah penjagaan Pusat Ehsan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MEMPELAJARI ILMU AGAMA BERSUMBERKAN AL-QURAN DAN HADIS